



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROF DR NAZURA BINTI ABDUL MANAP  
PAKAR PERUNDANGAN SIBER DAN HAK INTELEK**

**OLEH:**

<b>NURUL BAHIIYAH HUSNA BINTI HASNAN</b>	<b>2021858966</b>
<b>ZARIN ZALIKHA BINTI MOHD ZANI</b>	<b>2021871576</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2023 – JAN 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROF DR NAZURA BINTI ABDUL MANAP  
PAKAR PERUNDANGAN SIBER DAN HAK INTELEK**

**OLEH:**

<b>NURUL BAHIYYAH HUSNA BINTI HASNAN</b>	<b>2021858966</b>
<b>ZARIN ZALIKHA BINTI MOHD ZANI</b>	<b>2021871576</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2023 – JAN 2024)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Dengan izin dan limpah kurnia Allah s.w.t., kami dengan rasa syukur yang tidak terhingga berjaya menyiapkan tugas kami dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Kami ingin menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menggemilangkan tugas khas kami untuk subjek IMR 604: Oral Documentation, iaitu projek "Transkrip Temubual Bersama Prof Dr Nazura Binti Abdul Manap: Mengenai Biografi Seorang Tokoh Perundangan Siber & Harta Intelek".

Kami amat menghargai kerjasama yang luar biasa daripada semua pihak yang terlibat, memungkinkan kami mencapai tahap pencapaian ini. Tidak terhingga terima kasih kepada pensyarah kami, Madam NurulAnnisa Binti Abdullah, yang telah memberikan bimbingan sepanjang semester ini untuk menyiapkan tugas khusus ini. Kesabaran dan ketabahan beliau dalam menyampaikan ilmu adalah suatu anugerah besar kepada kami. Kami bersyukur atas kefahaman yang luar biasa yang diberikan oleh beliau dan kegigihan beliau dalam mendidik kami.

Jutaan terima kasih kami sampaikan kepada Prof Dr. Nazura Binti Abdul Manap, yang telah murah hati berkongsi mengenai biografi beliau serta pengalaman beliau dalam arena pendidikan dan perundangan di Malaysia. Beliau dengan sukarela meluangkan masa lebih dua jam untuk menceritakan pengalaman hidup dan kerjaya beliau. Kami bersyukur kerana Prof Dr. Nazura Binti Abdul Manap memberikan kerjasama tanpa batas kepada kami dalam menyiapkan tugas khusus ini.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan lama yang memberikan dorongan, sokongan, dan semangat dalam setiap langkah pembikinan tugas ini. Kami amat menghargai sumbangan dan sokongan yang diberikan, semoga Allah memberkati kita semua.

## ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AI	Kecerdasan Buatan
APC	Anugerah Pencapaian Cemerlang
BSN	Bank Simpanan Nasional
CGPA	Purata Markah Keseluruhan
CV	Curriculum vitae
FSKK	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
IoT	Internet Pelbagai Benda
IP	Harta Intelekt
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
LCE	Sijil Rendah Pelajaran
LLB	Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang
LLM	Ijazah Sarjana Undang-Undang
MCKK	Malay College Kuala Kangsar
MyIPO	Perbadanan Harta Intelekt Negara
NAM	Nazura Abdul Manap
NBH	Nurul Bahiyyah Husna
NIPP	Dasar Harta Intelekt Negara
PEDAS	SMKA Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail
PhD	Doktor Falsafah
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara

SJKI	Sekolah Tunku Abdul Rahman
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
UITM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UPU	Unit Pusat Universiti
ZZ	Zarin Zalikha

## RUJUKAN KATA

PERKATAAN	MAKSUD
Duk	Duduk
Kecek	Bercakap
Takde	Tiada
Takpe	Tidak Mengapa
Bapak	Bapa
Mak	Ibu

# ABSTRAK



# ABSTRAK

*Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama Prof Dr Nazura Binti Abdul Manap yang merupakan seorang tokoh perundangan yang terkemuka dan diiktiraf di Malaysia. Temubual ini telah dijalankan di Perpustakaan Fakulti Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tarikh temubual tersebut adalah pada 8 Disember 2023 bermula pada jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang. Beliau sebelum ini pernah menjadi Mantan Ketua Dekan Fakulti Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kini telah membuat keputusan untuk menjadi pensyarah sepenuh masa di universiti tersebut. Dengan pengalaman lebih dari 14 tahun dalam bidang undang-undang, Prof Nazura telah dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam bidang perundangan. Beliau juga telah memperoleh pelbagai kejayaan serta memberikan sumbangan yang besar dalam memperkukuh dan memajukan bidang undang-undang semasa berkhidmat sebagai tokoh perundangan. Semua pencapaian dan sumbangannya tidak dapat dipertikaikan lagi. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti latar belakang dan pengalaman hidup Prof Nazura, serta menilai pencapaian dan sumbangannya dalam bidang perundangan. Satu temubual telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan undang-undang demi kesejahteraan hidup masyarakat dan negara.*

**Kata kunci:** *Undang-Undang, Prof Nazura Abdul Manap, Undang-undang Siber, Undang-undang Hak Intelekt, Teknologi Maklumat, Keselamatan siber, Pelajar*

*Abstract: This interview was conducted with Prof Dr Nazura Binti Abdul Manap, who is a prominent and recognized legal figure in Malaysia. The interview took place at the Faculty of Law Library at the National University of Malaysia (UKM) on December 8, 2023, starting from 9:00 AM until 1:00 PM. Previously serving as the Former Dean of the Faculty of Law at UKM, she has now decided to become a full-time lecturer at the university. With over 14 years of experience in the field of law, Prof Nazura has been regarded as a primary reference in the legal domain. She has achieved various successes and made significant contributions to strengthen and advance the field of law during her tenure as a legal figure. All of her achievements and contributions are unquestionable. Therefore, the purpose of this study is to identify the background and life experiences of Prof Nazura, as well as to assess her achievements and contributions in the field of law. An interview was conducted to gather further information. This study aims to provide understanding and raise awareness among the public about the importance of law for the well-being of society and the country.*

**Keywords:** Faculty of Law, Prof. Nazura Abdul Manap, Cyber Law, Intellectual Property Law, Information Technology, Cyber Security, Student

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PENGHARGAAN .....	i
ABSTRAK .....	ii
ISI KANDUNGAN .....	v
BIODATA TOKOH .....	1
Pengenalan .....	5
TRANSKRIP .....	8
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH .....	8
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN .....	16
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA .....	49
BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN TOKOH .....	67
BAHAGIAN 6: HARAPAN TOKOH .....	74
RUJUKAN .....	82
LAMPIRAN .....	83
LOG WAWANCARA .....	84
DIARI KAJIAN .....	89
SOALAN TEMUBUAL .....	95
SURAT PERJANJIAN .....	107
GAMBAR .....	108
INDEKS .....	114
APPENDIX .....	119

# **BIODATA TOKOH**


## BIODATA TOKOH

### TOKOH PERUNDANGAN SIBER DAN HAK INTELEK



NAMA	NAZURA BINTI ABDUL MANAP
UMUR	54 TAHUN
TEMPAT LAHIR	JOHOR
ALAMAT	SELANGOR, MALAYSIA
NO TELEFON	
PEKERJAAN	PENSYARAH UNDANG-UNDANG

## BIODATA PENEMUBUAL

Penemubual Pertama	
	
Nama	Nurul Bahiyah Husna Binti Hasnan
Tarikh Lahir	
Alamat	Kota Bharu
No Telefon	
E-mel	
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat

**Penemu Bual Kedua**



<b>Nama</b>	<b>Zarin Zalikha Binti Mohd Zani</b>
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Alamat</b>	<b>Kuala Lipis, Pahang</b>
<b>No Telefon</b>	
<b>E-mel</b>	
<b>Program</b>	<b>Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat</b>



# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Dokumentasi secara lisan merujuk kepada proses penyampaian maklumat atau penjelasan mengenai suatu topic secara verbal. Dokumentasi secara lisan masih penting dalam kebanyakan situasi, walaupun dalam era teknologi moden. Dokumen yang tertulis sering menjadi pilihan utama untuk menyimpan dan menyampaikan maklumat. Dokumentasi secara lisan digunakan untuk memindahkan maklumat dari seseorang kepada orang lain. Hal ini dapat meningkatkan kejelasan dan pemahaman apabila maklumat sukar atau rumit untuk dijelaskan secara bertulis. Pada asasnya dokumentasi secara lisan membantu pembicara dan pendengar bercakap dengan lebih interaktif.

Pada pertumbuhan pemahaman tentang tradisi lisan, teori semasa adalah teori yang telah dikemukakan oleh Walter J. Ong. Seperti Ong, salah seorang pencipta teori ini, melakukan pembaruan melalui pendekatan kerja ilmiah yang mengutamakan pendekatan kerja ilmiah yang mengutamakan kajian kontekstual dalam teks yang disebut sebagai tradisi lisan. Ong melibatkan teks dalam konteks budaya yang telah menjadi kebiasaan dalam kerja tradisi terbentuk dalam konteks kemahirannya dalam disiplin ilmu pengetahuan budaya. Ong melihat pandangan Parry dan pelajarnya mengenai tradisi lisan Homerus dari Balkan. Tambahan pula, Ong telah menelaahnya sehingga terbentuk teori formula yang kemudiannya menjadi rujukan pengkaji yang berminat untuk mengkaji tradisi lisan. Menurut Ong juga tahap budaya manusia meliputi empat peringkat iaitu orality, manuskrip, pencetakan aksara dan elektronik dalam kemajuan teknologi maklumat. Lisan terletak terletak antara pendengaran dengan penglihatan. Penglihatan seperti aktiviti pembacaan hanya dapat menangkap kefahaman dengan apa yang dibaca sahaja sedangkan pendengaran dapat mempersatukan pendengarnya secara langsung dan menghayati kata dan fikiran pembicara (Teeuw 1994: 21).

Perundangan hak cipta dan siber di Malaysia dan antarabangsa mempunyai peruntukan undang-undang yang menguruskan bidang ini. Akta Hak Cipta 1987 adalah undang-undang yang mengatur hak cipta di Malaysia. Pencipta karya diberi hak eksklusif oleh undang-undang untuk mengawal karya mereka dalam beberapa tempoh masa tertentu. Karya seni, sastera, muzik,

filem, rakaman bunyi, siaran dilindungi oleh hak cipta Malaysia. Di peringkat antarabangsa, terdapat beberapa perjanjian yang menguruskan hak cipta ini. Antaranya ialah Perjanjian Berne iaitu tentang Perlindungan Karya Seni dan Kesusasteraan dan Perjanjian TRIPS (Perjanjian Mengenai Aspek Perdagangan Hak Kekayaan Intelekt) yang mengatur hak cipta. Dalam bidang perundangan siber pula, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, sesiapa sahaja yang menggunakan rangkaian komunikasi atau perkhidmatan multimedia dengan niat untuk melakukan penipuan, mengganggu keseimbangan awam, mengancam keselamatan atau privasi boleh dihukum menggunakan akta tersebut. Sementara itu, isu-isu berkaitan jenayah siber juga ada dibincangkan di Konvensyen Budapest mengenai Jenayah Siber dan Konvensyen Eropah tentang hak asasi manusia.

Namun begitu, sektor perundangan di Malaysia menghadapi beberapa cabaran. Salah satu cabaran yang dihadapi ialah memastikan kesamarataan hak kepada semua individu tanpa mengira agama, etnik atau orientasi seksual mereka. Diskriminasi berdasarkan agama dan etnik masih berlaku dalam beberapa bidang termasuk bidang pekerjaan, pendidikan dan akses kepada perumahan. Cabaran ini boleh dihadapi sekiranya kerajaan mengambil tindakan drastik dalam memperkuatkan undang-undang yang sedia ada. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan perlu mengatasi masalah rasuah yang merupakan salah satu cabaran terbesar dalam dunia politik negara kita. Kerajaan perlu memperketatkan lagi undang-undang dan memperkuatkan institusi yang bertanggungjawab dalam membela hak seseorang individu dalam memastikan kesamarataan tanpa mengira agama, etnik, atau bangsa mereka.

Oleh itu, kajian dan penyelidikan ini dilakukan untuk mencari, mengetahui dan mengkaji tokoh tempatan yang berasal dari Pantai Barat, Malaysia. Temu bual ini dijalankan secara bersemuka di Perpustakaan Fakulti Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8 Disember 2023 bagi mengetahui maklumat berkenaan dengan beliau secara lebih mendalam lagi. Tokoh tersebut mestilah mempunyai semua nilai ketokohan yang boleh menjadikan beliau sebagai model rujukan mengenai jasa-jasa beliau ataupun sejarah-sejarah mengenai kehidupan beliau

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh perundangan. Bersama-sama kami ialah Prof Dr Nazura Binti Abdul Manap yang merupakan seorang tokoh dalam bidang undang-undang siber. Beliau juga merupakan mantan Ketua Dekan di Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 8 Disember 2023, pada hari Jumaat yang dijalankan pada pukul 9 pagi bertempat di Perpustakaan Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Bahiyyah Husna Binti Hasnan Dan Zarin Zalikha Binti Mohd Zani iaitu pelajar dari UiTM Machang, Kelantan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

NAM: NAZURA ABDUL MANAP  
NBH: NURUL BAHIIYYAH HUSNA  
ZZ: ZARIN ZALIKHA

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NBH : *Okay* [Baiklah] jikalau prof telah bersedia kami mulakan soalan kepada prof.**

**NAM : Boleh.**

**NBH : *Okay* [Baiklah] prof kita akan mulakan sesi temu bual ini dengan latar belakang tokoh. Bolehkan prof ceritakan serba sedikit tentang latar belakang prof?**

NAM ; Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Bahiyyah dan juga Zarin kerana sudi datang jauh-jauh ye dari UiTM Machang ke mari untuk *interview* [menemu bual] saya. Saya sangat berbesar hati ya. Jauh tu datang ye (gelak). Nak buat *online* [atas talian] je tapi sanggup datang jugak. Saya pun sangat-sangat gembiralah. *Okay* [Baiklah] sebenarnya nama saya seperti sedia dimaklumkan, Nazura Binti Abdul Manap. Saya lahir pada. Maknanya tu ada orang yang sama *birthday* [hari lahir] dengan saya (sambil gelak) tapi orang tu muda, saya ni agak tak berapa muda jadi umur saya lebih kurang *lima puluh empat* [54] tahun (gelak kecil). Negeri kelahiran saya di Johor atau Segamat Johor walaupun sebenarnya bapa saya orang Negeri Sembilan, Gemas tetapi Gemas Negeri Sembilan dengan Johor tu kan sempadan jadi saya dilahirkan di Hospital Segamat Johor. Jadi saya menjadi orang Johor walaupun sebenarnya orang Negeri Sembilan. Saya dibesarkan di Negeri Sembilan seperti yang saya katakan tadilah dan saya pun bersekolah - - -. Kebanyakan waktu sekolah saya daripada sekolah rendah hinggalah sekolah menengah berada di Negeri Sembilan. Mungkin nanti kita akan bercerita berkaitan la tar belakang pendidikan. Hobi kita daripada muda ke tua ni dia jadi berbeza-beza tapi kalau umur waktu macam ni hobi saya suka bercucuk tanam, saya suka tanam pokok dan saya suka memasak kalau ada masa.

**NBH : Masak dari segi apa? Dari segi baking [membakar] ke?**

NAM : Semua saya cuba. Saya suka baking [membakar], saya suka buat pudding [agar-agar], saya suka masak masakan Melayu cuma Jepun, Korea tu tak pernah cubalah. Budak-budak muda sukakan?

**NBH : Haah (sambil mengangguk dan gelak).**

NAM : Saya makanlah tapi tak masalah kan. Jadi itu antarnya. Saya punya hobi sebenarnya saya suka melukis, saya suka mewarna tapi tidak ada masa. Saya tengok kalau keluar kat Shoppee ke Facebook kan dan secara algorithmnya akan keluar jadi saya akan selalu balik tengok tapi tak ada masa nak buat. Sebab bila kita buat benda tu mengambil masa *dua* [2] hingga *tiga* [3] jam, saya tak buat kerja saya, nak *check* [periksa] kerja *student* [pelajar] sayakan? Inshallah hobi tu boleh disambungkan, panjang umur semasa pencen nanti. Inshallah. Pekerjaan saya seperti diketahui, saya merupakan seorang pensyarah di Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia [Selangor] dan dari segi gred pekerjaan saya, saya adalah VK7, professor C. Itu antara pekerjaan saya. Makanan dan minuman, macam yang saya cakap tadi, saya tidak memilih sangatlah makanan. Kalau minuman memang saya boleh tahu terus yang saya suka kopi.

**ZZ** : **Haah ada perasan la tadi (sambil gelak).**

**NAM** : Kalau pelajar saya datang dia mesti, “Prof ni kopi” (sambil menunjukkan pergerakan tangan menerima kopi). Dia akan bawakkan sekali. “*You* [awak] jangan bodek saya kalau *you* [awak] tak lulus, memang tak lulus jugak (sambil ketawa)” saya cakap. Tapi memang dia akan bawak kopi, bila kita nak *discuss* [bincang] pasal tesis, dia tahu yang saya suka fokus, *so* [jadi] saya kata, *this is my second coffee* [ini kopi kedua saya]. Saya dah kata yang saya dah minum kopi pagi dekat rumah, *so* [jadi] dia bagilah kopi. Tu memang yang paling sukalah minuman kopi. Sejak umur saya awal *empat puluhan* [40] saya dah kurang minum manis. Sebab pertama saya nak jaga badan tak mahu badan cepat naik bila minum manis banyakk. Satu lagi adalah nak jaga kesihatan sebab kita keluarga ada kencing manis tapi alhamdulillah sekarang saya *takde* [tidak ada] kencing manis sebab jagalah. Makanan kegemaran saya (sambil berfikir), makanan kita memang macam-macam kita sukakan Aisyahkan? Susah nak fikir makanan apa tapi macam ni dia tak kira makanan apa asal makanan tu kena dengan tekak saya. Contohnya saya suka nasi lemak tapi jaranglah makan sebab nak jaga makan tak mahu makan selalu tapi kalau saya makan nasi lemak, nasi lemak tu mestilah cukup santannya, rasanya terutamanya sambal kena pedas sebab saya memang tipikal *so* [jadi] mungkin nasi lemak saya suka tapi itulah saya kata bukan semua nasi lemak.

**NBH** : **Apakah gelaran yang sering dipanggil oleh keluarga atau kenalan rapat Prof?**



NAM : *Okay* [Baiklah] itu ada beberapa kategori. Kalau kawan-kawan rapat saya panggil saya - - -. Banyak gelaran dari muda-muda sampai sekarang. Bila kawan kita dari matrikulasi, umur *kita tujuh belas* [17] tahunkan kita kenal dorang, *so* [jadi] dia orang panggil kita nama gelaran mastulah. Macam Aisyah dan Zarin pasti ada gelaran dengan kawan-kawan. Dulu nasiblah gelaran saya elok. Dia panggil saya biasa Naz ada yang panggil Nazura kalau yang jauh dan tak rapat. Yang rapat dia panggil Zura. Ada yang panggil saya Nesh. Sebab kenapa Nesh? Sebab dulu masa zaman kita orang muda kan suka rock-rock [jenis lagu]. Saya suka nyanyi rock jadi dia Naz lepastu jadi Nesh. Lepastu ada yang panggil Jua. Kawan-kawan di kampung panggil Jua kan dan ada juga yang panggil kak yong masa sekolah menengah rendah sebab kita anak sulong, *so* [jadi] panggilan biasa kak yong. Keluarga tahulah ada yang panggil kak long ada yang panggil Jua. Kalau mak sedara panggil kak long juga atau panggil Jua dan sebagainya. Itu antaranya.

**NBH : *Okay* [Baiklah], kenapa kenalan tersebut memanggil panggilan tersebut?**

NAM : Panggilan tu? Itulah bergantung kepada nama kita mak kita panggil. Panggil Jua tu nama Nazura, nama timangan Jua, nama manja. Jadi keluarga panggil Jua. ada yang *pak sedara* [bapa saudara] panggil Jua, ada yang panggil kak long sebab kita anak sulongkan. Haa itu sebabnya lah.

**NBH : Sebentar tadi Prof telah mengatakan hobi Prof mostly [kebanyakan] melukis, memasak *so* [jadi] selain itu apa lagi yang prof lakukan untuk mengisi masa lapang Prof?**

NAM : *Okay* [Baiklah] ini saya dah lakukan mungkin sejak saya umur *empat puluhan* [40] ya. Sebab dulu badan saya agak besar, cepat dapat sakit jadi saya memujuk diri saya dan mencari jalan supaya saya sentiasa konsisten melakukan senaman. So [jadi] masa lapang, sebenarnya bukan masa lapang saja, saya cari masa untuk *exercise* [senaman]. Ini pun dah lama tak *exercise* [senaman] sebab sibuk berapa hari sebab sana kemari tu susah. Jadi saya kena carilah pagi atau petang untuk *exercise* [senaman] sama ada pagi atau petang sebab saya ada *gym* [gimnasium] yang kat rumah, saya buat sendiri kat rumah ataupun saya akan berjalan supaya sihat inshallah kita usahakan.

NBH : ***Alright* [baiklah], seterusnya bolehkah Prof ceritakan sedikit sebanyak tentang keluarga Prof termasuk suami dan anak-anak Prof?**

NAM *Okay* [Baiklah] mungkin saya cerita bapa sayalah. Bapa saya namanya ya dan nama ibu saya. Kedua-duanya dah takdelah [tiada] dah pergi [meninggal dunia] dan pekerjaan bapa saya sebelum bersara merupakan seorang guru bersara dan mak saya suri rumah tangga tapi mak saya ni walaupun suri rumah tangga tapi rajin untuk meniaga. Berniagalah dia kecil-kecilan buat kuih dan sebagainya membantu bapa. Itu dari segi - - . Umur ibu bapa saya tak panjang. Macam mak saya sampai *enam puluh satu* [61] *enam puluh dua* [62] sahaja tapi bapa saya baru saja meninggal tahun *dua ribu dua puluh satu* [2021] semasa umurnya *tujuh puluh sembilan* [79] tahunlah. Negeri asal ibu saya di Kuala Kangsar, Perak. Adik-beradik bapa saya di Negeri Sembilan. Adik beradik saya ada tiga orang. Kesemuanya perempuan. Saya anak yang sulung. Suami saya Tuan Haji Khairul Azhar bin Mohd Razi merupakan seorang usahawan, seorang peniaga dan umur suami saya lebih kurang *lima puluh enam* [56] tahun. Dua tahun tua dari saya lebih kurang dan saya ada *empat* [4] orang anak tapi anak saya *sorang* [seorang] tu meninggal masa kecil masa *tiga* [3] *dua*

*puluh [20] bulan lapan [8] hari dia meninggal. Sorry [maaf] tiga [3] tahun lapan [8] bulan dua puluh [20] hari ya dia meninggal. Dua puluh [20] hari bulan sembilan [9] sembilan belas sembilan puluh tujuh [1997] dia meninggal. Nama anak-anak saya yang saya kata tua tu yang telah pergi tu Muhammad Aidil Hakimi bin Khairul Azhar, yang kedua Aqilah binti Khairul Azhar, yang ketiga Muhammad Aqil bin Khairul Azhar dan yang keempat Adnin binti Khairul Azhar. Semua anak-anak saya kalau yang telah pergi tu adalah dua puluh sembilan tahun [29] tapi yang kedua, Aqilah dua puluh tiga [23] tahun. Aqil dua puluh dua [22] tahun dan adiknya lima belas [15] tahun. Okay [Baiklah] usia perkahwinan saya dan suami daripada tahun sembilan belas sembilan puluh empat [1994] maknanya dah dua puluh sembilan [29] tahun. Alhamdulillah semoga panjang - - -. Inshallah amin. Dimanakah anak-anak saya sedang belajar. Anak saya yang kedua tadilah, Aqilah dia baru sahaja tamat atau menyelesaikan pengajiannya di Universiti Salford di Machester di bidang *business study* [pendidikan perniagaan], *digital marketing* [pemasaran digital] dan yang kedua sedang membuat ijazah sarjana muda undang-undang di Multimedia Universiti Malaka dan yang ketiga [3] lima belas [15] baru lagilah sedang dalam pengajian sekolah menengah. Okay [Baiklah].*

**ZZ : Sebelum kita pergi ke soalan seterusnya, boleh tak prof ceritakan serba sedikit tentang pekerjaan suami prof?**

NAM : *Okay [Baiklah]. Suami saya macam tadikan usahawan, dia telah bekecipung dalam perniagaan sejak memang kami mula berkahwinlah. Mula-mula bekerja dengan kerajaan sekejap seterusnya pencen pilihan. Kemudiannya dia berniaga sampai sekarang. Perniagaannya sekarang adalah berkaitan dengan apa nama ni, pembuatan pakaian, pakaian sukan, uniform, segalalah pakaian.*

**NBH : Kiranya ambil *order* [tempahan] sekolah?**

NAM : (Sambil mengangguk) Ambik *order* [tempahan] dari sekolah, daripada kerajaan, tender, daripada swasta, persendirian dan sebagainya. Dah lama dah *husband* [suami] saya berniaga daripada tahun 1997 lah. Lepas saya buat master *sembilan belas sembilang puluh lima* [1995] *sembilan belas sembilang puluh enam* [1996], dia pergi bersama saya ke *UK* [United Kingdom], balik dari sana tu dia *start* [bermula] meniaga sampai sekarang. Maknanya dan *dua puluh* [20] berapa tahun tu. *Dua puluh tujuh* [27] tahun. Saya pun tak tahu. Sebenarnya sebelum tu pun berniaga tapi perniagaan ini bermula *sembilan belas sembilang puluh tujuh* [1997].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

**ZZ** : Seterusnya, kita akan ke slot latar belakang pendidikan. *Okay*, [baiklah] boleh tak kami nak tahu sedikit sebanyak tentang sejarah pendidikan Prof. Jika Prof *still* [masih] ingat boleh tak Prof ceritakan mengenai –

**NAM** : (Sambil ketawa) Ingat. Tak ingat tak patut kan. *Okay*, [baiklah] saya cerita ya. Baik, saya dari sekolah rendah bermula– okay, saya ingat masa *impact* [kesan] daripada saya sekolah tadika. Saya mula-mula sekolah tadika *start* [bermula] *lima* [5] tahun masa tu jarang orang tadika *lima* [5] tahun tapi mak saya agak aktif je kan isteri guru jadi kenal jugak la beberapa orang jadi hantar saya ke sekolah Cina sebab ni kawan dia pun banyak Cina semua kan dia ada kawan sekolah Cina sekolah tadika Cina. *So* [jadi], tadika Cina tu *dua* [2] tahun daripada *lima* [5] tahun sehinggalah *enam* [6] tahun kemudiannya di Kampung Sungai Tiong. Kampung Tiong, Tiong Hua panggil Kampung Tiong saya pergi situ la. Kemudiannya saya menyambungkan pengajian sekolah saya tu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris tapi bukanlah dia belajar bahasa Inggeris sangat pun tapi nama dia SJKI, Sekolah Tunku Abdul Rahman Gemas, Negeri Sembilan sehinggalah darjah *enam* [6]. Selepas tamat darjah enam bapak saya menghantarkan saya ke Sekolah Menengah Rendah Agama Gemas, Negeri Sembilan. *So*, [jadi] saya sekolah tapi masa tu tak ramai orang sekolah agama sebab masa tu dia kata sekolah agama ni hanya orang-orang yang nak *repeat* [ulang] *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] kan macam *you all* [awak semua] *PMR* [Peperiksaan Menengah Rendah] kan tapi tak tahulah mungkin bapak saya berpandangan jauh dia nak anak dia - - kata dia dulu masa muda-muda dia tak dapat belajar pengajian agama daripada muda jadi dia hantar saya ke sekolah situla. Masa sekolah kat situ tu memanglah dulu sekolah agama ya Bahiyyah, dia memang didiskriminasikan kita dulu. Sekolah tak macam sekarang semua orang nak sekolah agama sebab sekolah agama budak-budak pandai kata jadi masa tu

sekolah u macam masjid lama, bawah tu saya ingat ada keranda dah reput (sambil gelak) tapi saya tak tahulah tak ada melawan pun terus sajalah sekolah sedangkan kawan-kawan saya sekolah elok Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman sampai tingkatan tiga. Alhamdulillah saya buat agak baiklah keputusan peperiksaan saya mendapat tawaran sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Hj Mohd Said, Seremban ya masa tu sekolah tu terpilih --- SMK Pedas, tak sekolah saya di Seremban, PEDAS tu baru lagi. Saya bersekolah dua tahunlah daripada *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] hingga *sembilan belas lapan puluh enam* [1986]. Saya ambil SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] disitu alhamdulillah keputusan tu agak baik saya menjadi pelajar terbaik sekolah pada waktu itu.

**NBH : Bolehkah Prof ceritakan berapa result Prof masa tu?**

**NAM :** *First* [pertama] kita masa tu tak macam SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sekarang ada A macam tu kan kita dulu gred kita panggil *aggregate* [jumlah] so saya masa tu gred satu *aggregate* [jumlah] saya *dua belas* [12] masa itulah *aggregate* terbaik pada masa itu adalah enam [6] so saya dapat *aggregate dua belas* [12] ya memang tak ramai orang dapat *aggregate lima belas* [15] ke bawahlah ya jadi saya daripada situ alhamdulillah saya menyambung pengajian ke Matrikulasi Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya juga dapat dalam masa yang sama Asasi Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa tetapi saya kena pilih masa tu kita tak ada UPU [Unit Pusat Iniversiti] yang dia sekat kan. Dah dapat satu tak dapat satu lagi tapi saya dapat dua-dua tapi saya pergi Universiti Kebangsaan Malaysia dan masa saya semester pertama [1] saya menjadi salah seorang daripada pelajar terbaik matrikulasi dan saya asalnya masa nak masuk tu macam Bahiyah dengan Zarin juga kita kan kadang dapat PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] dapat JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] kan saya minta

*MARA* [Majlis Amanah Rakyat] lah *MARA* [Majlis Amanah Rakyat] tu pinjaman boleh ubah jadi saya dah *sign* [tandatangan] semua *MARA* [Majlis Amanah Rakyat] tapi semester *satu* [1] *result* [keputusan] saya bagus saya ditawarkan untuk *interview* [temuduga] dengan *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] untuk biasiswa *so* [jadi] saya dapat biasiswalah. Saya dapat biasiswa *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] tapi alhamdulillah bila saya balik tu dia tak paksa saya kerja dengan kerajaan kan masa tu. *Alright* [baiklah] itu sekolah menengah, universiti panjang cerita saya sebab ahli akademik panjang dia punya akademik. Lepas tu saya sambung *degree* [ijazah] lepas *dua* [2] tahun. Masa tu matrikulasi *dua* [2] tahun saya sambung ke Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia selama *empat* [4] tahun dan mendapat Ijazah kelas dua atas. Masa tu kelas dua atas paling baguslah tak macam sekarang dulu susah nak dapat *first class* [kelas pertama]. Budak-budak sekarang ramai betul dapat *first class*. Dulu tanya orang tua-tua susah nak dapat *first class* [kelas pertama] satu tu dapat satu *batch* [kumpulan] tu selang tahun dua tiga tahun baru ada satu *first class* [kelas pertama] tak macam sekarang. Sekarang kan mungkin guna *CGPA* [Purata Markah Keseluruhan], dulu memang kita susah nak dapat bukan lah nak bagi alasan tapi itulah keadaannya pada waktu itu. Saya dapat kelas dua atas dan kemudiannya saya sambung buat saya punya *first degree* [ijazah pertama] saya ada *tiga* [3] *degree* kan saya bukan satu [1] *degree* [ijazah] Bahiyah jadi habis itu saya sambung buat saya punya *chambering* [latihan dalam kamar]. *Chambering* [latihan dalam kamar] untuk pelajar undang-undang kan kita kena buat untuk jadi *lawyer* [peguam] sembilan [9] bulan *so* [jadi] saya *chambering* [latihan dalam kamar] masa tu saya dah berkahwin dan mengandung pada waktu itu kemudian tengah-tengah saya *chambering* [latihan dalam kamar] tu saya dapat panggilan daripada UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] dia kata datang untuk *interview* [temuduga] tutor *so* [jadi] saya datang jadi saya masa tu saya *chambering* ada dalam sebulan dua dah siaplah jadi mereka offer [tawaran] saya jadi tutor tapi selepas saya habis *chambering* [latihan dalam kamar], *so* [jadi] bila dah habis tu saya pun bersalin ganti semua kan cuit

bersalin tu *dua* [2] minggu je saya ambil cuti saya ganti balik so [jadi] sambung balik datang sebagai tutor. So [jadi] dalam menjadi tutor dalam masa setahun dengan mengajar pelajar untuk tutorial kiranya secara kontrak, lepas tu dia hantar saya ke London ya belajar di *Queen Mary and Westfield College* untuk pengajian sarjana undang-undang. So, [jadi] di sana belajar sarjana undang-undang tak sampai satu tahun lah *sembilan* [9] bulan lebih je. Alhamdulillah saya lulus dan saya balik-balik dan bekerja tak silap saya selama *lapan* [8] tahun sebelum saya sambung ke Pengajian Doktor Falsafah PhD., di Universiti Islam Antarabangsa [Selangor]. Jadi saya dapat saya punya *degree* [ijazah] PhD dan Masters. *First degree* [ijazah pertama] *sembilan belas sembilan puluh empat* [1994], Master *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996], PhD., saya *dua ribu lapan* [2008] sebab saya lambat sikit saya selesaikan. Itulah saya punya latar belakang pelajaran sampai ke universiti ya.

**ZZ : Sebelum tu boleh tak Prof ceritakan apa yang Prof buat sampai boleh jadi pelajar cemerlang sampai banyak peluang yang diberikan. Ada rahsia tak?**

**NAM :** Saya macam ni saya cerita pada asalnya lah ya bapa saya seorang guru tapi bapa saya ni seorang yang macam serah je dekat anak sebab dia dulu kan anak macam anak yatim jadi dia biasa diri dia tu berdikari jadi dia ingat anak dia pun boleh berdikari. Jadi saya ni tak tahu nak berdikari macam mana. Sekolah rendah kita orang kena ambil penilaian darjah lima. Masa darjah lima, saya masa sekolah, memang agaknya takdirnya Allah bagi bapak tu cikgu agaknya mungkin kita pun dapat bapak kita punya pemikiran, jadi kita cepat dapat, jadi saya tak pernah belajar kat sekolah, saya tak pernah pergi tuisyen sekolah rendah ada sekali je saya ikut orang pergi tuisyen lepastu saya tak tahu kenapa pergi tuisyen kan sebab kita tak tahu kena pergi tuisyen, dan kat rumah pun tak belajar. *Kat* [Dekat] sekolah tu je betul-betul fokus kat kelas. Lepas tu bila



periksa saya tak tahu periksa tu nak kena *study* [belajar] bapak saya cikgu tau (sambil ketawa) tapi dia tak ingatkan saya tau dia kata belajar je. Saya mana tahu belajar macam mana saya tak saya ingat saya pergi periksa *UPSR* [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] masa tu darjah *lima* [5] masa tu pergi *exam* [peperiksaan] lepas tu saya dapat 1A 3B 1C tak cemerlang sangatlah tapi bagi orang yang tak *study* [mengulangkaji] saya rasa itu cemerlang lah kan (sambil ketawa) memang saya tak pernah study lepastu bila saya tak study bapak saya ambil result tu dia macam kecewa sikit, mak saya okay mak saya *very supportive* [sangat menyokong], *motivated* [memotivasikan]. Dia kata *takpe* [tidak mengapa] dia walaupun dia tak belajar tinggi, tak ada peluang nak belajar tinggi dulu.. Lepas tu saya pernah cakap dengan bapak saya *something* [sesuatu] lepastu kata orang ni bagus dapat *result* [keputusan] saya kata , “Oh dia bagus tapi dia punya-- memanglah dia gred *satu* [1] SPM tapi gred dia macam *dua puluh dua* [22] ke *dua puluh tiga* [23] dah nak gred *dua* [2]”. Saya cakap macam tulah dapat universiti lah budak tu lepastu kata bapak saya “Ha”, bapak saya ni suka cakap yang dan percakapan dia bertanam di fikiran saya iaitu macam mencabar. Saya pantang dicabar. Kita muda kan waktu tu (sambil ketawa). Bapak saya kata “Dia kata yalah dia dapat juga macam tu kak long macam mana?”. *Tak* [tidak] ada apa tapi saya macam “eh” di hati tapi saya macam tersentakla masa tu tapi tak cakap, simpan dalam hati nanti abah tengok satu hari anak abah jadi macam mana itu. Bapak saya punya bagus dia buat macam tu bagi saya yang mengambil cabaran bagus lah saya harap daripada cerita saya ni banyaklah anak-anak yang kat luar tu kalau katalah dia begitu dicabar oleh orang, saya tak cakap bapak saya buat tak elok, bagus bapak saya buat macam tu. Bapak saya tak pandai puji anak dia, akan puji anak di luar kat orang lain, dia tak puji kat depan saya. Bagus mak saya, tak mak pandai anak mak jadi kan. Jadi saya pegang tu ayat *tu* [itu], itu yang pertama, yang kedua mak saya kan tak sekolah tinggi, saya rapat dengan mak jadi mak ni pagi-pagi dia nak tolong bapak, memang tak cukuplah duit sebab gaji cikgu sekolah bapak saya dulu *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] punya guru je, *LCE* [Lower Certificate of Education]. Sebenarnya bapak saya dulu ni

orangnya pandai. dia dapat peluang semuanya. Sepatutnya *MCKK* [Malay College Kuala Kangsar] tapi dia kan anak yatim, bapak kata “Jadi *tak* [tidak] ada siapa dapat tapi dapat sama dengan ahli politik dulu masa tu”, tapi dia tak pergilah pasal dia tak mampu, tak mampu masa tu dan dia pula masa tu dia cerita dengan saya di sekolah-sekolah rendah, sekolah menengah dia duduk rumah orang tumpang rumah orang belajar dekat Gemas [Negeri Sembilan] dia duduk Air Kuning [Negeri Sembilan] jauhlah mungkin daripada Machang ke mana tadi ke Kota Bharu lebih kurang. Jadi dulu mana ada kenderaan macam sekarang, Bahiyah naik kereta senangkan, dia dulu naik bas, naik jauh biasa kan naik kereta api ada kereta api sekali-sekala kan dia tu duduk rumah orang, tak boleh berulang hari-hari dan masak sendiri je. Umur *sepuluh* [10] tahun jadi saya tahu macam mana bapak saya punya sebab tu dia ingat anak saya lagi bagus daripada aku aku bagi makan semua lebih kenapa kau tak boleh dapat aku pun *independent* [berdikari] saya boleh faham dia saya boleh faham dah besar saya faham lepas tu tapi mak saya memang tak ada rezeki dia, dia macam tu juga adalah sejarah dia juga sebenarnya dia pun patutnya boleh belajar lagi tapi dulu kan bila orang nak belajar dia ada macam bukan semua orang dapat belajar jadi dia dapat *result* [keputusan] agak bagus terus macam mana entah orang lain yang dapat pergi sebab kan siapa-siapa ada *connection* [hubungan] dia dapat kan ya lepas tu tak apalah dia rezeki ditempat lain. Jadi bila mak buat kuih hari-hari, saya kata saya nak berjaya saya kesian tengok mak saya, nak tolong mak saya, saya nak mak saya rasa seronok bila saya ada duit kan. Sekarang saya tak ada duit kan saya budak-budak jadi saya belajar. Mak saya bangun pukul *empat* [4] pagi ke *tiga setengah* [3:30] pagi saya akan bangun, saya akan pastikan saya bangun *study* [mengulangkaji] walaupun saya *study* [belajar] macam ni, saya akan bangun saya akan *study* [belajar]. Itu mungkin rahsia saya sebab saya sayang dan ingat dekat mak dan ayah. Saya rasa bukan saya pandai sangat, ramai lagi orang pandai tapi orang pandai setakat tu je lepastu tak pergi mana pun tapi saya sebab mungkin sayang saya kasih kat mak abah lepas tu doa mereka yang tak habis, tak henti-henti jadi saya rasa sebab itu perjalanan saya tu mudah dan

saya nak pesan dengan anak-anak kat luar tu kalau kita hebat macam mana pun kalau kita tak berbakti pada mak bapak kita tak guna. Saya kalau cerita pasal mak (air mata bergenang) tu macam kita pun dah tak ada kan jadi mungkin itulah kekuatan saya kerana mak. Masa sekolah menengah tu saya dapat *first* [pertama] semua darjah tingkatan *satu* [1] tu sampai tingkatan *tiga* [3], saya dapat dermasiswa setiap tahun. Saya akan pergi ke Tampin ambil duit masuk yang ke masuk *BSN* [Bank Simpanan Nasional]. Lepas tu saya tahun *empat* [4], saya dapat sekolah yang saya cerita tadi, Saya pun dapat pelajar terbaik juga sampai sekarang ada yang ambil gambar dekat kan banyak Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Syeikh Haji Mohd Said sekolah terbaik di Malaysia. Nak masuk susah kena *interview* [temuduga] jadi bila dia orang datang dia orang ambillah gambar dan nama saya ada lagi pelajar terbaik. Dia kata “Namanya Nazura Abdul Manap ni betul ke, Prof Dr Nazura Abdul Manap ni ke yang dia masuk dalam Facebook” lepastu saya gelak-gelak je (sambil ketawa) sebab dia kata *husband* [suami] dia bawah saya pelajar terbaik tapi kat atas tu Prof Nazura Abdul Manap. “Adakah ini Prof Dr Nazura Abdul Manap kan” saya gelak kan saya kata “sayalah *tu* [itu]” kan. Lepas tu masa saya sekolah menengah tu, *okey* [baiklah] saya ni dia ada dua kelas satu kelas Marikh satu kelas Zuhail. *So* [jadi], Marikh ni pelajar yang daripada tingkatan *satu* [1] di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Syeikh Haji Mohd Said. Saya kira pelajar pendentanglah dari tingkatan *empat* [4] baru datang tingkatan *lima* [5] tapi saya jadi *best student* [pelajar terbaik]. Mereka macam, macam mana orang boleh dapat kan tapi memang sebenarnya apa saya buat ialah, ni kata tak tahu macam mana saya tadi kan saya akan cara saya belajar tak sama dengan orang lain belajar sebab tu kadang-kadang bila saya nak *impose* [mendedahkan] atau saya nak minta anak saya ikut mungkin dia orang tak boleh ikut sebab itu kreativiti saya belajar dan kesukaan dan kemampuan saya pada waktu itu. Saya tak belajar masa *prep* [kelas persediaan] kan sekolah menengah ada *prep* [kelas persediaan] saya *prep* [kelas persediaan] apa-apa pun kadang-kadang saya mengajar orang itu pun mungkin satu berkat sebab suka mengajar orang. Lepas tu saya akan kira tau,

okey bila dah habis *prep* [kelas persediaan] tu saya balik naik atas tidur. Saya tidur lepas solat isya berjemaah, orang bising pergi *toilet* [tandas] dan tidur pukul *satu* [1] pagi . Pukul 1.30 semua dah senyap dah. Dulu saya sampai kena marah sebab saya pasang lilin sebab tak ada *torch light* [lampu suluh], saya pasang lilin saya baca buku dalam bilik. Kalau waktu esok tu cuti saya akan bacalah sejam, satu jam setengah kan besok pagi nak sekolah kan. Kalau cuti besok, depan koridor ada jirat Kristian tau lepas padang tu jauh lah juga kita tak takut, lah pon sebab lampu banyak saya akan ambil tikar saya akan bentang dekat depan koridor ni Bahiyyah pun tak tahu cerita saya dia. Lepas ni nak cerita sejarah dah alang-alang *you all* [awak semua] nak tahu macam mana saya boleh sampai ke ni biar saya cerita semua. Dalam dekat koridor tu saya akan bentang tikar ada koridor tu mata saya cepat sakit saya baca buku saya akan ada nota sains saya dan saya *best student* [pelajar terbaik] sains sebab saya suka sains tapi saya tak dapat sekolah sains sebab masa kita orang dulu bila nak sekolah agama sekolah agama sains tak banyak kalau nak kena pergi sekolah *MARA* [Majlis Amanah Rakyat] ke apa sedangkan bapak saya nak saya sekolah agama jadi saya ambil je sains yang biasa bukan yang ada kimia ke apa tu kan, *So* [jadi] saya ambil saya memang dapat A1 lah saya punya sains lepas tu, saya memang ingat lagi cikgu sains saya ajar Cikgu Normah bila kita orang duduk kan kerusi di lab tu kan tinggi, semua orang duduk duduk, tanya-tanya, cikgu-cikgu tanya kan lepastu saya tahu jawapan dah kesian budak-budak, cikgu tak bagi saya bisik-bisik sebab saya suka sains tu jadi saya akan belajar sungguh-sungguh saya suka setiap jawapan. Saya pun jawab keluar boleh rehat masa tu kebetulan waktu rehat, waktu rehat ada [tinggal] lagi *lima belas* [15] minit. Saya rasa malu setiap kali keluar dulu, tapi saya ada juga subjek saya tak pandai. Contoh saya tak pandai Bahasa Arab. Bahasa Arab saya rasa kenapa saya tak pandai Bahasa Arab ialah kerana cikguya yang mengajar pun kurang pandai mengajar Bahasa Arab. Sebab tu bila saya jadi cikgu saya kalau boleh bersungguh-sungguh nak mengajar anak murid saya. Itu adalah apa tadi saya cerita tadi. Baik kita dah habis ye. Subjek kegemaran , *okey* [baiklah] di sekolah itulah saya suka sains, saya suka

*English* [bahasa inggeris], subjek sains saya dulu kita kena ambil geografi saya pun boleh buat geografi dengan saya suka sejarah banyak juga subjek lah saya suka, saya suka *math* [matematik] tapi cikgu, cikgu kata saya pandai *math* [matematik] sebab cuma saya tak suka sebab guru. Sebab tu saya kata bila saya jadi guru saya nak anak murid saya dapat manfaat sebanyak mungkin daripada pengajaran saya sebab yang pertama tu tanggungjawab saya kalau kalau kita dah mengajar sesungguh-sungguh tapi student tak dapat juga itu bukan salah kita kan kita dah buat bahagian kita tapi kalau kita pun sambil lewa mengajar kan budak pun tahulah dia subjek banyak *tak ada* [tiada] tertarik jadi kita kena kreatif nak mengajar kita kena kreatif nak mengajar jadi kena letak semua sebaik mungkin walaupun sibuk macam mana keutamaan saya adalah mengajarlah. *Okay* [Baiklah] jadi balik macam tadi, guru-guru saya matematik kata yang pandai matematik depan ada ke yang pandai matematik depan patutnya tak pandailah depan. Saya nak duduk depan tapi *result* [keputusan] saya tak bagus sebab saya tak masuk otak saya. Kiranya faktor guru tu memainkan peranan. Ya, guru itu sangatlah penting kalau *you* [awak] nak jadi tokoh akademik kalau *you* [awak] tak pernah mengajar bukanlah tokoh akademik. Jadi balik cerita saya tadi, itu subjek antara yang saya suka Bahasa Arab pun saya suka tapi mungkin budak-budak yang mempunyai asas Bahasa Arab daripada sekolah menengah rendah dia bagus memang dia orang pergi Mesir. Saya dulu nak sekolah di Sekolah Al-Azhar, *bapak* [bapa] saya nak hantar saya di Universiti Al-Azhar tapi Bahasa Arab tak bagus pasal akademik lebih bagus daripada bahasa Arab.

**NBH : Pengalaman Prof bersama rakan-rakan. Pengalaman terbaiklah paling manis yang Prof masih ingat sampai sekarang. Ikut di universiti ke di sekolah ke?**

NAM : Okay, bersama rakan sekolah atau guru? Oh, masa saya sekolah lah ni kut ya. Sekolah boleh. *Okay*, [baiklah] pengalaman bersama rakan sekolah atau guru, pengalaman tu banyak kan sebenarnya saya di sekolah kalau di sekolah saya prefect [pengawas] saya jadi ketua umum yang perempuan kan dia ketua umum lelaki ketua umum perempuan kan. Saya memang aktif walaupun saya ni tapi saya ni saya tidak ada masa sekolah lah, saya tidak ada berkawan baik sebab bagi saya masa tu fokus saya adalah belajar. Kawan kawan bukan sombong kawan semua orang tapi saya *tak* [tidak] ada kawan yang-- sebab saya tahu nanti kan saya cerita kalau pasal anak-anak ni kejap-kejap terpeleot [tersasar] dengan kawan susah. Saya memang kawan nak kawan bukan saya eksyen [sombong] tak sebab saya fikir saya punya fokus belajar saya punya fokus belajar tiap-tiap bulan balik saya balik saya ingat tak yang ni tak ikut cakap saya ikut cara saya, saya balik ke kampung setiap bulan kan kita boleh balik, balik ke kampung hari jumaat atau hari ahad balik kan, saya Selasa baru balik. Saya tak suka sebenarnya duduk asrama sebab saya *duk* [duduk] jauh dengan mak saya jadi homesick [rindu] teruk sampai sekarang kalau saya mimpi yang mimpi yang mengerikan ialah saya kena balik asrama (sambil ketawa). Saya ingat saya mimpi mengerikan saya duk asrama tengok jauh daripada mak ni kan masa sebab saya *tak* [tidak] suka tapi ingat walaupun saya tak suka saya lawan tak suka saya tu ingat ya demi masa depan. Sebulan ni jangan ikut cakap saya tau, kalau *you* [awak] boleh ikut saya tapi *you* [awak] belajar sungguh-sungguh *tak apa* [tidak mengapa], ni yang *tak* [tidak] ikut langsung belajar pun teruk takut dia ikut yang tak bagus itu jangan. saya tak datang saya kira masa buat hari *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], saya *sembilan belas lapan puluh enam* [1986] saya tak datang sekolah hampir *satu* [1] bulan maksud *campur* [tambah] yang *asyik* [selalu] balik tak balik-balik tu, aku memang tak suka sekolah tak suka sekolah asrama bukan tak suka sekolah tak suka sekolah asrama jadi-- tapi *bapak* [bapa] saya kan cikgu disiplin, "kenapa tak balik" *takpe* [tidak mengapa] lah *bah* [bapa] tayah balik la bah ni ni macam adalah anak saya *sorang* [seorang] ikut saya agaknya (sambil ketawa) dah nampak mana dia ikut kan. *Lepas tu* [selepas itu] jadi

kan-- okey tapi itulah okey saya masa tu masuklah pertandingan debat sikit-sikitlah dengan yang saya selalu masuk saya ingatlah kuiz saya selalu masuk kuiz. Saya suka kuiz sejarah ingat lagi kita orang *prepare* [bersiap sedia] *prepare* tiba-tiba kuiz sejarah tu *cancel* [batal] ingat diri saya semangat saya cikgu saya tu Cikgu Ghafar, Cikgu Ghafar saya ingat ya kalau cikgu *tu* [itu] bagus kita ingat sampai mati tau nama dia walaupun kita dah tua saya nak anak murid saya ingat Prof Nazura ke Puan Nazura kan kita di universiti kan berubah. Dulu saya masa ada Master mereka panggil saya “puan” *lepas tu* [selepas itu] mereka panggil saya “doktor” bila saya ada degree, degree PhD., saya kita ada Prof kita panggil Prof jadi tak kisahlah dia panggil saya puan ke dia panggil saya doktor ke dia panggil saya Prof ke dia ingat saya mengajar. Kita selalu kalau saya *kat* [dekat] dalam “Facebook” ingat Prof mengajar *nak* [mahu] pergi kelas Prof lagi ya kadang-kadang saya *share* [kongsi] lah kan dia orang pun macam seronoknya kalau dia ingat walaupun dia tak ingat *subject matter* [bahan pelajaran] sebab mungkin dia tak praktis dah bahagian itu tapi dia ingat kita mengajar bersungguh-sungguh itu yang kita nak kan. “*Itulah kadang-kadang tu pelajar pun suka pergi kelas tu sebab guru*”, kata Zarin. Betul. Saya kadang-kadang pergi kelas *first time* [pertama kali] kelas kan budak-budak macam mana saya akan fikir apa pun nak buat supaya the *first impression* [kesan pertama] *dia orang* [mereka] suka kelas saya saya pon buat baru-baru ni budak tahun saya tak pernah mengajar kontrak undang-undang kontrak saya mengajar *first* [pertama] undang-undang kontrak tahun *satu* [1] sebab saya selalu mengajar undang-undang siber, undang-undang teknologi maklumat tapi kita kat universiti kan kita kena juga mengajar bukan kepakaran kita tetapi itu memang kita boleh mengajar sebab kita memang kena ambil subjek tu dulu, *so* [jadi] saya mengajar kontrak saya mengajar kontrak macam mana saya *slide* [tayangan] saya tu masa saya tunjuk nanti slide saya memang saya buat sebaik mungkinlah yang saya tahu *okay* [baik], kemudian siapa *nak* [mahu] buat saya ni letak nama siapa cikgunya tiga orang supaya dia kenal gurunya sebab saya *first class* [kelas pertama] kan guru-guru lain tu tak datang cikgu, *lecturer* [pensyarah] lain saya tunjuk *handsome*

[kacak] tak ni apa semua kan. *Lepas tu* [selepas itu] bila saya nampak “*kenapa you all* [awak semua] *ni*” mengantuk *tak* [tidak] makan lagi ke “*semua bangun*” bangun lepas tu saya suruh *bukak* [buka] kan kita ada layar tu depan sebesar tu buka nyanyi lagu “*Negaraku*” semua orang nyanyi lagu “*Negaraku*” semua jadi semangat *lepas tu* [selepas itu] yang satu lagi *group* [kumpulan] ni saya suruh nyanyi lagu universiti jadi bila universiti semua nyanyi kuat-kuat jangan *tak* [tidak] nyanyi. Saya pun ambil video apa semua jadi lepas tu *dia orang* [mereka] rasalah satu *vibes* [aura] yang lain. (sambil menganggukkan kepala) *Haah* [Ya] *betul*. “*rasa seronok*”, kata Zarin. *You* [awak] *dah* [sudah] menyanyi you dah apa kan kadang saya cakap juga dulu-dulu kalau *dia orang ni* [mereka ini] “*bangun kita nak zumba tak*”, kata Prof Nazura. Kadang *tak* [tidak] zumba pun kan kalau zumba kan tak jadi kelas pula tapi adalah benda-benda yang saya buat supaya pelajar *tak* [tidak] *distracted* [terganggu] ataupun terganggu dengan benda-benda lain. Dan saya pergi ke kelas walaupun saya umur *lima puluh empat tahun* [54] tahun sebab tu saya *make sure* [pastikan] saya *exercise* [bersenam] lama saya ada tenaga dan saya ada saya cergas supaya kelas kita kan dewan kuliah ni nanti saya tunjuk “*Insyallah*” kalau *bukak* [buka]. Dewan kuliah tu ke bawah saya akan naik tangga tu saya akan pusing ke belakang supaya budak-budak lain yang *kat* [dekat] belakang juga dia orang terasa bahawa dia orang *tak* [tidak] boleh nak lalai-lalai (sambil mengangguk kepala). Dia kena dengar kelas itulah antaranya yang saya buatlah. Saya harap itu memberi kesan, itu cerita lain sebenarnya itu cerita balik yang *you* [awak] tanya tadi pengalaman bersama rakan atau aktiviti pertandingan ajuran sekolah itulah kuiz tu ya apa nama tu debat adalah juga saya jadi ni, masa di universiti kalau ni kalau di universiti saya banyak masuk sukan, saya *netball* [bola jaring] antara universiti *softball* [bola lisut] saya aktif sukan dan juga netball, softball dan saya ada masuk juga *volleyball* [bola tampar] dan juga kalau *indoor* [dalaman] dulu kita *tak ada* [tiada] *e-sport* [sukan secara dalam talian] ni, bila *indoor* [dalaman] kita buat “*carrom*” antaranyalah yang saya masuklah ya. “Okay” apa lagi tu tentang aktiviti, *okay* [baik] pendapat tentang aktiviti yang pernah disertai. Okay-



mungkinlah kut ya debat ya mungkin kuiz tu sebab dia lebih kepada akademik jadi mungkin dia membantu jugalah kepada perkembangan akademik ya tetapi sebenarnya saya rasa kalau akademik tu memang kokurikulum itu bagus tetapi perlu diseimbangkan ikut kemampuan kita kalau kita ni memang otak cergas otak cerah, saya ada *student* [pelajar] yang otak cerah ni walaupun dia dengan *mootingnya* [berdebat] pergi luar negaranya tapi tetap *first class* [kelas pertama] ada juga budak-budak *macam tu* [begitu]. Jadi kita kena ikut kalau kita nak ikut orang tapi kita tak mampu mana boleh kita kena ikutlah saya dulu *tak* [tidak] macam sekarang sekarang banyak peluang. Masa zaman kita dulu tak banyak jadi kita itulah antara perkara-perkara yang saya pernah terlibat sukan dan sebagainya tapi saya aktiflah juga bukanlah *tak* [tidak] aktif kan. “*Okay*”, keputusan sijil pelajaran saya kata tadi *aggregate* [jumlah] *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] saya *lima belas* [15], *lima belas* [15] saya maknanya saya *tak* [tidak] tahu dulu *aggregate* [jumlah] *lima belas* [15] dia *tak ada* [tidak ada]-- sekarang macam mana dia A-B-C kan dia *tak* [tiada] ada *agregate* [jumlah] *lima belas* [15] tu tapi dia tak ada gred pula. Saya pun *tak* [tidak] tahu macam mana dorang-- tapi *lima belas* [15] tu antara yang elok jugalah ya sebab tu saya dapat sekolah SMKA Sheikh Haji Mohd Said *tu* [itu]. Universiti yang pernah dimasuki telah nyatakan tadi rasanya kan jurusan yang diambil undang-undanglah. Undang-undang *first degree* [ijazah pertama] *LLB* [Bachelor of Law] Honours *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], kemudian *second degree* [ijazah kedua] saya LLM ataupun Masters in Corporate Law, saya dapat daripada University of London punya *degree* [ijazah] dan juga PhD., saya PhD., in Law.

**ZZ** : Adakah Prof betul-betul minat jurusan undang-undang?

NAM : “*Okay*” [Baiklah] sebab itu lah saya *tak* [tidak] faham anak-anak sekarang ni bila belajar jurusan *tak* [tidak] diminati *tak nak* [tidak mahu] belajar. Mungkin *you all* [awak semua] sekarang generasi entah berapa X-Y-Z saya *tak* [tidak] tahulah *milenium* [alaf] ke Z ke apa mungkin *you all* [awak semua] banyak pilihan lepas tu anak-anak sekarang banyak pilihan pendedahan berbeza jadi dah *spoil* [merosakkan] sikitlah *kut* [mungkin] sebab *tak* [tidak] rasa susah masa zaman saya dulu apa yang ada je sebab saya bukan jurusan sains kan saya nak jurusan sains banyak peluang saya tak ada sains so saya ada dua je “*ekonomi ataupun undang-undang*”, kata Prof Nazura. Saya tak cakap saya hairan bila saya datang *dia orang* [mereka] kata, “*I [saya] tak [tidak] suka tau Law*” [undang-undang], dia kata. *Tapi* [tetapi] *my father* [ayah saya] *mother* [ibu] suka *Law* [undang-undang] tau ni anak orang kaya lah ni. Lepas tu [selepas itu], *I* [saya] kata kenapalah *tak* [tidak] suka, *dah* [sudah] dapat tu belajar *jelah* [sahaja lah], saya macam tu je dapat belajar saya nak sains tak dapat saya belajar juga, saya *tak ada* [tiada] pilihan, saya ambil *Law* [undang-undang] atau *ekonomi*. Saya ambil *Law* [undang-undang] saya belajar *je* [sahaja] saya dapat *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] atau *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Saya teringin *nak* [mahu] pergi *UIA*, *tapi* [tetapi] *mak* [ibu] *bapak* [ayah] saya kata duduklah *UKM*. Saya belajar juga saya tak kata *tak* [tidak] betullah *mak* [ibu] ni. *Tak* [tidak], saya rasa saya anak yang taat *kut* [mungkin], jadi taat dan berusaha, taat dan berusaha dan ada keberkatan. Usaha saya memang fokus saya buat je, saya pergi jalan “*cah*” [Aisyah], saya suka je jalan ke sana pergilah naik bas dulu kita ada bas utama, jalan tapi *tak* [tidak] adalah berjalan tu sampai hilang fokus belajar. Kita tahulah bila kita *nak* [mahu] seronok bila kita nak belajar kan.

**NBH : Kenapa Prof lebih berminat kepada bidang undang-undang daripada ekonomi?**

NAM : Sebab masa tu, sebenarnya *tak* [tidak] tahu apa-apa sebab saya sendiri isi borang semua *abah* [ayah] pun tak pernah masuk universiti. Jadi, *tak* [tidak] tahu, saya isi semua tapi mungkin saya rasa *tak* [tidak] ada *kut* [mungkin], saya tak tahu pun undang-undang tu bagus pun mungkin nak jadi *lawyer* [peguam] ke saya tak nak jadi lawyer saya memang nak jadi *lecturer* [pensyarah] daripada dulu. “*Ikut gerak hati*”, kata Zarin. Ya, mungkin *Allah* bagi saya gerak hati saya *tak* [tidak] berapa suka ekonomi, tapi masa kita orang belajar matrikulasi saya belajar ekonomi makro mikro tu saya belajar, *kita orang* [kami] belajar masa *first semester* [semester pertama] ingat lagi cikgu yang mengajar *lecturer* [pensyarah] yang mengajar saya *tu* [itu] lecture *tak* [tidak] silap saya nama dia “*Hasnah*” bagus dia mengajar sebab saya ingat nama guru-guru yang bagus mengajar yang tak bagus sangat pun saya ingat. Dia antara dua, yang tengah-tengah kita kurang ingat kan yang antara bagus *tak* [tidak] bagus kadang bagus kadang tak bagus tapi yang yang tak bagus sangat atau yang bagus sangat. *Lepas tu* [selepas itu] kata apa, apa cerita tadi pasal apa, “*pasal ekonomi*”, kata Bahiyah. *Okay* [baiklah], saya ambil ekonomi tu saya belajar benda ni bagus lepas tu saya nanti-- okay, cara saya belajar di sekolah *macam tu* [seperti itu], masa saya belajar di universiti lain. Saya macam ni kita belajar kita belajarlah kadang-kadang budak-budak tu jom lah kita pergi Nazura, kita ramai-rami kita pergi *round-round* [pusing-pusing] pergi *library* [perpustakaan] sama-sama kan, kita kan tadi saya bawa Bahiyah dengan Zarin lalu kan kan saya kata kita daripada *Aminuddin Baki* [Kolej Kediaman UKM] turun bawah tu saya selalu seorang. Dulu *kita orang* [kami] duduk kat *Kamsis* [Kampung Siswa]. *Kamsis* dulu kolej A jauh jalan ramai-ramai lalu lif takut apa semua kan. *So* [jadi], kita belajar yang macam tu tapi saya ada belajar waktu “*Me Time*” [masa sendiri] saya belajar iaitu kalau Sabtu Ahad saya akan tidur awal seperti biasa sebab *abah* [ayah] saya kata nak *exam* [peperiksaan] ke apa tidur pukul *sepuluh* [10], jangan tidur lambat tu saya pegang *bapak* [ayah] saya cakap pukul *sepuluh* [10]. *So*, pagi *lepas* [selepas] subuh habis semua sembahyang subuh kawan-kawan saya tidur balik Sabtu Ahad. “*Saya tak*” [tidak], kata Prof Nazura. Saya pergi

selalunya saya pergi mandi saya akan basuh baju dulu, basuh baju sidai kain lebih kurang pukul *tujuh* [7] *dah* [sudah] terang. *Dah* [sudah] terang tanah saya pergi kan saya tunjuk tadi Fakulti Sains Kemanusiaan, Sains Sosial Kemanusiaan saya pergi kat situ bilik tutorial tu saya belajar tu tak [tidak] kunci bilik tutorial dia, *so* [jadi] saya belajar daripada pukul 7:30 ke pukul 8.00 sampai pukul 12.00. So, saya belajar ekonomi sendiri. Saya belajar hafalkan semua semua saya menghafal. Saya orang yang kuat menghafal sebab kita sekolah agama dulu kita kena buat "*imlak*", "*tasmik*" jadi kita hafal jadi *budak-budak* [pelajar] *Law* [undang-undang], bila *you* [awak] biasa hafal *you* senang nak hafal kes. Jadi saya hafal kes saya tulis ringkasan kes bukan macam sekarang banyak nota dekat *online* [dalam talian]. Jadi, satu lagi bila saya belajar saya akan ada nota, budak-budak lelaki biasanya bila saya dekat *library* [perpustakaan] tu masa saya tahun *satu* [1], tahun *dua* [2], tahun *tiga* [3] macam tu besar macam ni saya duduk saya *study* [mengulangkaji], buku sini buku sini, nota-nota tiba-tiba ada kawan datang "Nash", dulu panggil Nash kan, "*kau buat apa tu?*", bertanya kepada Prof Nazura. Prof menjawab "*kenapa*", mula kita tak tahu kan diannak nota sekali kan, *tak apa* [tidak mengapa]. "*Ha, ambillah*", jawab Prof Nazura. (sambil ketawa) Dia tak minta lagi ambillah dia pun pergi photostat. "Terima kasih eh", jawab kawannya. So, sekarang bila saya tulis tangan *macam ni* [seperti ini] kan kadang-kadang saya ambil gambar kita tulis apa-apa kad hari jadi ke kan ambil gambar letaklah dekat "*Facebook*" lepas tu kawan *tak* [tidak] pernah komen-komen dalam "*Facebook*" tiba kata "*Eh Nash, kau punya tulisan sama je macam nota kau dulu*", kata rakannya. Dulu, *kita orang* [kami] mana ada taip semua kita tulis tangan. (sambil ketawa) Jadi, dia ingat bila dia baca hari-hari dia ingatlah sampai sekarang dia ingat saya pun *tak* [tidak] tahu benda tu *impact* [kesan] pada dia. "*Dia nampak setiap hari kut*", kata Bahiyah (penemubual). Ya, dia baca agaknya mungkinlah sebab itu salah satu sebab mungkin ada *barakah* [berkat] ni *kut* [mungkin]. Bila saya tengok *mak* [ibu] saya satu orang yang sangat apa pemurah, pemurah dia pesan jangan kedekut ilmu jangan kedekut sampai sekarang sebab tu bila orang tanya macam ni kalau orang *tak*

[tidak] suka, saya suka ni saya dah minggu ni *je* [sahaja], *empat belas* [14] haribulan saya kena pergi ke Universiti Islam Sains Malaysia [USIM]. Lepas tu dua jemputan Utusan Malaysia satu lagi tarikh dia *postpone* [tanggung] ke dua puluh [20] hari bulan, patut *empat belas* [14] hari bulan sebab *sharing* [perkongsian] ilmu. Baru ni yang saya pergi dengan royalti bengkel dengan artis *sharing* ilmu. Di Korea pun panggil saya *sharing* ilmu, jadi saya doa moga *Allah* bagi saya peluang untuk saya memanfaatkan ilmu saya, jadi bukan di universiti *saja* [sahaja] orang luar pun panggil. Jadi, ni semalam saya dah cerita ke tadi saya dapat panggilan daripada National FM, Prof nak masuk radio hari Selasa minggu depan. Sebelum tu, baru sebulan lebih lepas dia panggil saya, saya cerita pasal *scam* [penipuan] sebab saya *siber law* [undang-undang siber] kan yang ni dia kata "*Prof tajuk apa*", tanya pihak National FM. Saya kata hari inilah saya bagi tahu sebab saya macam banyak pula saya nak kena *prepare* [sediakan] minggu depan. Kesian *student* [pelajar], bila saya dah terlampau sibuk nanti saya *tak* [tidak] dapat student datang nak *consult* [berunding]. Jadi, saya fikir kalau kata sempat minta dia satu lagilah jadi dia radio, *sharing* [perkongsian] ilmu bila saya cerita radio pasal *scam* [penipuan], tiba-tiba kawan saya *call* [telefon], (sambil ketawa) "*Eh Nash*", dia kata "*tadi aku dengarlah kau bagi talk [bercakap] dekat radio*", dia kata "*kau sama je kan*", kata rakannya. "*Sama kenapa*", jawab Prof Nazura. "*Dulu kau mengajar kita orang*", kata rakannya lagi. "*Eh saya lupalah saya mengajar korang*", kata Prof Nazura. Saya kata "*eh masa bila saya mengajar korang, korang kan semua pandai sama-sama je masuk Universiti*", jawab Prof Nazura. "*ada kau mengajar kita orang TODDs*" dia kata padahal saya *result* [keputusan] TODDs biasa je la kan, tapi bukanlah semua subjek saya bagus ada yang biasa je kan kan ada orang lain bagus pada kita tapi bagi saya bila orang tanya kita luah balik kita dapat untung balik kat kita, kita bukan apa bila kita baca kita masuk otak kita kan sebab tu orang baca supaya nak dengar balik. Bila *you* [awak], terang kat orang, orang tu dapat kita dapat rugi tak, tak rugi kan lagi dapat banyak kan dan ada *tak* [tidak] silap saya *tujuh* [7], *lapan* [8] tahun lepas ke *sepuluh* [10] tahun lepas, saya lalu dekat bilik seminar,

masa tu bilik seminar dia orang guna untuk *exam* [peperiksaan], lepas tu saya kata budak-budak kan macam *you all* [awak semua] la, bila exam letak kat luar kan buku-buku, nota-nota bersepah-sepah. Saya tengok "*macam tulisan saya kertas tu*", kata Prof Nazura. Saya pun tengok "*eh ini soalan test [ujian] saya jawab dulu*", kata Prof. Saya dapat 18/20 ada lagi dia tak tahulah agaknya *bapak* [bapa] dia ke mak sedara dia ke sama *batch* [tingkatan] saya bagi agak nota kat dia dia baca dia dah baca dia letak situ untuk *exam* [peperiksaan] test subjek tu. Kan subjek tu saya dapat bagus masa tu rasanya terlupa tak ada pula tak ingat nak ambil gambar pakai fon dah *sepuluh* [10] tahun macam tu kan. *Lepas tu* [selepas itu] saya tengok ada juga kebaikannya dapat rupanya kan. Bila kita nota-nota kita tu kan saya pun tak tahu kat mana entah-entah dah bagi kat--, harap-harap biarlah berkembang sebab apa kita ingat, kita hidup dunia ni tak lama akhirnya kita pergi juga nak pergi tu tak semestinya muda ke tua bila kita ada ilmu yang bermanfaat, dia tiga [3] je, doa anak yang soleh, ilmu yang manfaat dan sedekah jariah yang berpanjangan. Jadi, anak yang soleh ni sangat abstrak sangat susahlah kita nak kata dengan anak-anak sekarang, harap-harap kita doa anak kita anak soleh *InsyaAllah* biar anak yang soleh anak yang taat kan doa kita, kita cuba didiklah sebaik macam mana *bapak* [ayah] kita didik kita supaya jadi--. Kita pun tak tahu kita ni anak solehah ke tidak tapi kita sentiasalah mendoa, mungkin tak minta kita dapat tapi "*Allah Maha Adil*" ada orang *tak ada* [tiada] anak tapi dia ada boleh ruang untuk *share* [kongsi] ilmu manfaat dan juga sedekah jariah. So, ilmu manfaat tu suami saya cakap kata "*untung*" dia kata "Jua", dia kata. "Jua" suami panggil untung Jua, dia kata sebab bila mengajar ikhlas dan ilmu itu bagus dia akan mengalir sampai bila-bila. Moga-moga anak-anak murid tu dapat dan ilmu tu dia guna pakai dan jadi kebaikan kan." *Okay*", panjang cerita saya.

**ZZ** : **Okay**[baiklah], kita pergi ke seterusnya pada pandangan Prof apa persepsi orang-orang kat sekeliling Prof tentang jurusan undang-undang yang Prof ambil? Tanggapan orang memandangkan ayahanda Prof lebih berminat kepada bidang agama tapi terpaksa Prof ambil bidang tersebut.

**NAM** : *Okay* [baiklah], masa tu *abah* [ayah] saya pun jenis yang dia pun faham kan kita pun tak Bahasa Arab dah tak pandai kan *tak* [tidak] dapatlah pergi ke Universiti Al-Azhar kan. Jadi, dia sangat *open* [terbuka] lah cuma dia ada cakaplah macam kita kalau jadi Hakim kita risau kaki katanya kaki sebelah buat neraka satu sebelah syurga. Itu masa saya jadi Dekan Undang-Undang, saya berpeluanglah membuat kunjungan hormat kepada Tun ya, “*Yang Mulia Tunku Maimun*”, kita punya “*Chief Justice*” ya Ketua Hakim Negara. Bila saya jumpa dia tu, dia ceritalah dia “*ore kelate*” [orang Kelantan]. “*kelate*” dia cerita “*kelate*” lah keluar, dia cakap suami dia kata kawan-kawan-- Bila you jadi tokoh besar macam tu suami punya kawan-kawan ni duk sibuklah pasal *bini* [isteri} suami ni kan, cerita *tak ada* [tiada] ke jadi Hakim ni kaki sebelah ni, dia kata habis kalau tak ada orang nak jadi Hakim ni macam mana? Oh macam mana nak, tak boleh tak adil lah macam tu, kesian orang Hakim. Saya rasa betullah cakap dia selagi Hakim tu menjalankan tugas dia dengan amanah maknanya boleh dapat “*syurga*” juga, kenapa pulak tak boleh dapat syurga dapat “*neraka*” je kan. Jadi, tu apa nama tadi tadilah pandangan orang-orang sekelilinglah yang lain-lain tu saya rasa “okay” cuma masa saya sekolah agama dulu ada pandangan daripada orang masa tu kan saya kata, *tak* [tidak] ramai sekolah agama adik-beradik saya pun tak sekolah agama. Adik-beradik belah mak, pak sedara saya pun tak sekolah agama sebab masa tu sekolah agama memang yang jenis sekolah agama ni memang dah lah susah nak cari sekolah agama, sekolah agama pun memang mundur jadi, orang tak suka sekolah agama. Saya terima kasihlah kat *abah* [ayah] saya yang paksa saya sekolah agama tapi “*Alhamdulillah*” saya pula *tak* [tidak] *rebel* [memberontak] pergi je. Macam mana boleh jadi macam tu, padahal saya ni

bukannya orang yang sangat, saya *rebellious* [memberontak] juga tau, “*Prof ni anak solehah ni*”, kata Bahiyah [penemubual]. Jadi saya pergi, saya pergi jadi dia orang kata macam kan dulu orang *repeat* [ulang] *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] kat situ kan kata ni sekolah arab, sekolah arab waktu saya balik kampunglah. Lepas tu, tapi sampai sekarang bila saya dah berjaya rasanya siap pergi jumpa dia, jahatnya.. Kalau Arab, ini hasil orang sekolah arab sekarang orang berebut nak sekolah agama. Anak-anak saya pun semua sekolah agamalah tapi lepas tu dia nak pilih bidang apa macam Bahiyah pun sekolah agama jugak kan, sekolah agama ke tidak “*tak*”, jawab Zarin [penemubual]. Tapi akhirnya bila kita, kita tak apalah kita dah dapat asas tu jadi pergi lepas tu kau nak ambil apa pun ambillah tak ada masalah. Okay, itu persepsi-persepsinyalah tapi kebanyakan yang saya nampak adalah baiklah, saya rasa mungkin sebab saya *anak sulong* [anak pertama dalam keluarga], saya cucu sulung sebelah bapak saya dan saya juga antara cucu sebelah mak saya, sebelah bapak cuculah tapi mungkin rezeki sayalah kut bila saya cucu sulung, anak-anak, sepupu semua bawah-bawah kita kan tengok Kak Long nya buat yang baik, ramai cakap kita nak jadi macam Kak Long, idolakan Kak Long saya sukalah macam *Alhamdulillah* macam saya punya yang sambung PhD., suku saya ada dua orang PhD., seorang kat *UM* [Universiti Malaya], seorang di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], anak saya sorang tu pun minat juga yang nombor *dua* [2] tu tapi sebab *Law* [undang-undang] tu agak *tough* [mencabar] saya kata *you* [awak] kena buat betul-betul sampai *result* [keputusan] pointer *tiga* [3] ke atas lepas tu sambunglah kalau nak sambung. Dia ni pun mungkin macam saya juga dia ikut je kalau *mak* [ibu] dia kata ni, walaupun susah dia berusaha sungguh-sungguh juga. *Tak apalah* [tidak mengapa] kan kadang-kadang macam ni tau kecemerlangan kita bukan dekat universiti, saya syukurlah sebab saya boleh dapat cemerlang di sekolah mungkin *tak* [tidak] banyak mungkin apa nama tu *competition* [pertandingan] ke masa tu kan. *Alhamdulillah*, universiti pun syukur pada *Allah* sampai ke ni pun bukan sebab saya bagus sangat saya rasa sebab mungkin saya *tak* [tidak] pernah *aim* [tujuan] jahat tak bukan jahat. Tak baguslah begitu sebab



sepatutnya kalau *you* [awak] bagus *you strategize* [susun] kan hidup *you*. Saya tak pandai buat strategi bagi saya buat je dengan betul akhirnya dapat kalau Allah izinkan. “Kiranya Prof ni follow the flow” tanya Bahiyah [penemubual]. “*Saya follow the flow [ikut aliran] tapi flow yang betul*”, jawab Prof Nazura. Jadi, maknanya kalau flow tu tak betul tak boleh, contohnya kalau *flow* [aliran] sebab nak ikut cakap *bos* [ketua], bos cakap tak betul saya tak akan buat, saya tak akan buat walaupun bos saya cakap tapi saya akan cakap dengan baik-baik, ni tak boleh minta maaf saya tak boleh buat tapi lepas tu nak buang saya ke tak nak *renew* [memperbaharui] saya pun tak apalah saya “*okay*”, sebab bagi saya, saya cakap betul bila saya nak jadi saya dijadikan dekan bukan saya memohon, saya dijadikan itu ada cerita lain kut okey cerita lain kemudian kita cerita yang itu, *okay*.

**ZZ** : Seterusnya, apakah keunikan atau keistimewaan yang terdapat pada jurusan undang-undang itu?

**NAM** : *Okay* [baiklah], sebenarnya jurusan undang-undang ni adalah salah satu daripada jurusan profesional, ya bukan sahaja di Malaysia tetapi di peringkat dunia atau antarabangsa. Mungkin saya boleh sebut antara jurusan professional undang-undang, kejuruteraan perubatan akauntansi ya, perakaunan, farmasi ya itu antara jurusan apa nama tu profesional lah kerana jurusan-jurusan ni dia ada akta dia, dan dia ada yang akta yang mengawal selia amalan profesional tu sebab itu dipanggil bidang profesional. Jadi bidang profesional sepatutnya dia satu bidang yang dikawal selia dan juga biasanyalah ya di kebanyakan negara bagi bidang-bidang profesional ini peluang untuk mendapat pekerjaan itu besar, *tapi* [tetapi] dalam keadaan sekarang keadaannya sangat relatiflah sebabnya terlampau ramai pelajar dan dengan keadaan ekonomi yang *tak* [tidak] berapa bagus ni memberi cabaranlah dari segi industri nak beri tawaran pekerjaan dan sebagainya.

Okay, antara bila kita cakap undang-undang kita ingat belajar undang-undang boleh jadi peguam atau lawyer kan, biasa apa peguam lagi apa kalau jadi ambil undang-undang jadi apa? Pendakwa Raya jadi Hakim, Hakim itu biasa kita tahu kan tetapi sebenarnya bila kita ambik undang-undang ni luas bila undang-undang kita boleh jadi penasihat undang-undang di mana-mana syarikat yang memerlukan penasihat undang-undang, boleh jadi pegawai tadbir sebab pegawai tadbir pun berurusan dengan peraturan. Kemudian, kita boleh kerja dengan universiti sebagai ahli akademik dan juga sebagai pentadbir ataupun pendaftar universiti sebab bila kita penasihat undang-undang universiti, sebab bila kita jadi pegawai tadbir kita ada undang-undang kita lebih tahu apa yang boleh dan apa tak boleh kan sebab kita pendaftar atau pentadbir kita ada benda yang boleh benda tak boleh kita kena tahulah apa boleh buat. Jadi, undang-undang ini luas dia punya malah pekerjaan di luar negara juga luas boleh bekerja dengan UNESCO, United Nation dan sebagainya lah ya. Itulah keunikannya sebenarnya sebab kalau kita ambil contohnya jurusan-jurusan tertentu, saya tak sebutlah kan dia kata saya merendah-rendahkan tetapi ada yang terlampau menjurus sehingga tidak boleh pergi ke tempat lain. Jadi, bila tempat-tempat lain kita kena ambil pula kos lain untuk kita menyesuaikan diri kita dengan pekerjaan ataupun kepakaran itu. Jadi, undang-undang tidaklah kecuali kalau kita nak, apa nama tadi tu kepakaran macam kita akademik macam saya, saya akan ambil bidang tertentu untuk saya jadi pakar sehinggalah sekarang kan itu lainlah. Okay, apa lagi soalan.

**ZZ : Bolehkah Prof cerita sikit tentang pengalaman Prof di Universiti mungkin boleh ceritakan tentang suasana dan kemudahan yang ada?**

NAM : Okay, masa universiti sebagai universiti ada dua sebagai pelajar ke sebagai pensyarah? “*Kalau boleh more kepada pelajar lah*”, kata Bahiyah [penemubual]. Dua-dua? Okay, semasa saya belajar ya belajarliah di universiti itulah yang pertama sebab saya kan fokus belajar je, so saya suka belajar undang-undang sebab belajar undang-undang masa tu, sebab saya suka mengingat, saya suka menghafal bagi saya saya hairan kenapa orang tak boleh ingat kes, sebab kita dah biasa menghafal kan bukan saya nak merendahkan orang tak, saya pun tak bagus ada sebahagian *tak* [tidak] bagus mula-mula saya masuk universiti saya tak pandai saya tak berapa bagus Bahasa Inggeris sebab saya daripada kampung daripada sekolah agama kita tak terdedah dengan Bahasa Inggeris, saya dibawa dari Bahasa Arab ya, jadi bila balik tu semua orang suruh kita orang belajar log undang-undang dah kena belajar dalam Bahasa Inggeris walaupun Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahasa Melayu tapi kita belajar Bahasa Inggeris. *Lepas tu* [selepas itu], tutorial kena menjawab dalam Bahasa Inggeris tak menjawab Bahasa Melayu. Masa tu bukan macam masa sekarang, boleh belajar Bahasa Inggeris tu kat “*YouTube*”, boleh belajar dengar sosial media pun semua dalam Bahasa Inggeris, saya ni *tak* [tidak] faham, takut duduk sebelah budak-budak yang sekolah “*Boarding School*” [sekolah berasrama] yang pandai Bahasa Inggeris tanya nak jawabnya macam mana punyalah kita kan tak pandainya kan, tapi balik-balik tapi dari segi menghafal memang saya mudahlah, “*Alhamdulillah*” sebab kita *train* [latih]. So, itu jadi apa soalan tadi apa pengalaman ya? Suasana masa belajar tu saya suka sebab kami dulu tak ramai, tak sampai *empat puluh* [40] orang macam tu jadi kita rapat mungkin *you all* [awak semua] banyak *group* [kumpulan], kita kan banyak sek, kita tak ingat orang, bila kita ingat sampai sekarang kami baik jadi saya pergi ke Perlis baru-baru ni untuk simposium jumpa balik kawan yang Matrikulasi sekejap je dengan kita orang, Matrikulasi dalam *dua* [2] bulan lebih lepas tu dia pindah ke UIA, tapi sekarang dia jadi Hakim Mahkamah Tinggi, saya jumpa dia kita *contact* [hubungi] balik. Nazurah kita kena balik Tuan, kan dia panggil saya Prof saya panggil dia Tuan sebab kita dah lama *tak* [tidak] jumpa kita rasa macam

formal [sopan] sikit kan tapi kita jumpa baliklah tu sebab kita kecil kita ingat kawan-kawan saya semua lepas tu kita agak rapat kita kenal kawan-kawan, adik-beradik mereka terutama saya pernah travel Aisyah apa Bahiyyah daripada GEMAS tu rumah *mak* [ibu] saya tu naik terus pergi Kelantan, pergi Kelantan masa tu mak ayah dah kahwin dah tapi tak jumpalah saya punya, saya pergi rumah kawan saya dia dekat Tanah Merah bawak naiklah tu baik, *mak* [ibu] dia baru meninggal baru ni kan baik sangat, rapat. Jadi, bagi saya persahabatan dan “*ukhuwah*” tu sangat penting dan yang mana saya rasa *tak* [tidak] ramai sekarang *macam tu* [seperti itu], mereka berkawan-kawan tu kan, itu saya rasa yang saya rasa seronok sangat belajar masa itulah. Okay.

**ZZ : Bagaimana pula dengan kemudahan yang ada kat Universiti?**

NAM : “*Masa itu ke masa sekarang*”, tanya Prof Nazura. “*Masa tu*, jawab Zarin [penemubual]. *Masa tu* [itu], komputer kan *tak ada* [tiada]. Komputer. hanya kerani-kerani je pakai untuk buat processor kita dulu pakai “*Wordstar*”, korang pun tak tahu apa tu “*Wordstar*” kan yang gelap tu kan. Saya masa *chambering* [latihan dalam kamar] baru belajar macam mana nak guna “*Wordstar*”. Dulu bila kami pun ada tahun kita ada kertas projek kita panggil tesis masa tu kan kita terpaksa upah kerani untuk taip untuk kita. Okay, “*balik tadi apa*”, tanya Prof Nazura? “*Kemudahan yang ada*”, jawab Zarin [penemubual]. Kemudahan pada waktu itu lah. Yang saya sambung tadi memang tak ada, tapi cukuplah pada waktu itu, itulah dia setakat mampu masa Universiti Kebangsaan Malaysia, okay la *library* [perpustakaan], ada *Library Law* [Perpustakaan Undang-Undang] ada, masa tu kita *tak complain* [tidak mengadu] lah sebab kita tak adalah kita nak komputer sebab kita pun tak pakai handphone kan mana ada semua-semua tu kan. Sekarang orang complain sebab teknologi berubah cepat, jadi bila ada universiti lain ke orang lain ni kenapa universiti *tak ada* [tiada]? *Comparison* [perbandingan]. Dia orang

*compare* [banding] kan macam *you all* [awak semua]. (sambil ketawa) Kenapa universiti UKM ada Machang *tak ada* [tiada] UiTM *takde* [tiada] ataupun kenapa UiTM ada? Ada dulu saya pergi masa saya dah mula-mula pakai komputer semua tu saya pergi *UNITEN* [Universiti Tenaga Nasional] saya mengajar *part-time* [kerja sambilan] di *UNITEN* masa tu, *UNITEN* masa tu canggihlah apa *slot in* [slot masuk] je, masuk semua “*oh*” *terornya* [hebatnya]. Kat UKM punyalah teruk masa tu kan. Namanya pon Universiti Teknologi, Universiti Tenaga Nasional dia banyak duit dan dia pula macam-- , saya ajar subjek *Cyber Law* [Undang-undang siber] untuk Pelajar Komputer Sains Teknologi, (sambil ketawa) jadi dulu-dulu kita tak banyaklah *complain* [mengadu] benda-benda macam tu kita ni reda je kan. Okaylah, bagi saya *Alhamdulillah*. “*Waktu time [masa] belajar tu dalam kelas ke*”, tanya Zarin. [penemubual] Dia macam sama macam sekarang, maksudnya kita ada yang dewan kuliah tapi dewan kuliah kita kecillah sebab kita *tak* [tidak] ramai, *pastu tu* [selepas itu] kan saya kata kita pinjam masa tu kita tak ada bangunan macam ni, ini besarlah dia bangunan dia *complete* [lengkap] kan macam kadang-kadang jadi satu kampus pula kecil kan tapi di masa kita dulu kita tumpang di bangunan *FSSK* [Faculty of Social Science and Humanities] tadi tu dan apa nama tadi adalah kita tutorial bilik tutorial begitulah. *Nothing to complain* [tiada apa yang perlu dirungut] lah okaylah. *Alhamdulillah* pada waktu itulah kalau masa sekarang tapi masih macam tu tak cukuplah tak baguslah tapi masa tu itulah dia kita rasa dah bagus dah.

**ZZ** : **Selain di peringkat universiti adakah sebelum ni Prof pernah ikut kursus-kursus profesional yang lain?**

**NAM** : Okay, saya *tak ada* [tiada] kursus profesional tertentu tetapi bila kita mengajar kita ambil subjek itu masa saya ambil Master saya kena menjuruskan yang itu saya kena strategize sebab bila saya ambil, kan kita pergi ke masa saya belajar

tu macam sekarang lain macam sekarang kalau nak sambung belajar dia orang akan cakap *you* [awak] kena apa nama *specialize* [pakar] ini. Yang ni kita universiti tak cukup ni *you* kena buat universiti nak apa. Tapi kalau universiti hantar tapi macam saya masa tu kita bebas kita mereka nak hantar kita ke sana supaya kita belajar cara mereka, teknologi, ilmu mereka, cara kita belajar semua dan kita bawa ke mari, jadi masa tu ke sana tu kita boleh macam ambil *paper* [kertas] yang mudah-mudah tapi saya memang *ambik* [ambil] *killer subjek* [subjek yang susah] lah saya ambil *Information Technology Law* [Undang-Undang Teknologi Maklumat], saya ambil *Property Law* [Undang-Undang Hartanah], saya ambil *Insurance Law* [Undang-Undang Insurans], subjek yang ramai orang *fail* [gagal]. *Dorang* [mereka] tanya saya Nazura, kawan-kawan yang sebelum datang kan yang senior tapi sebayalah dia datang awal dia kata *you English power* [Bahasa Inggeris awak bagus], cukup-cukup makan jelah, saya *IELTS* [International English Language Testing System] saya 6.5, dia nak 6.5 saya dapat, tak pandai *English* masa tu kan lepas tapi bila saya dah masuk UIA, saya ambil *IELTS better* [bertambah baik] lah sebab kita dah lama-lama *English* kita dah bagus. Jangan risau kalau *English* tak bagus sebab bila kita bekerja kita cuba baiki. Saya pergi belajar tak tahulah profesion yang tetap sebab *English* saya kurang bagus masa saya tengah belajar, saya pergi belajar dekat bettach kaunser. Saya belajar saya berulang daripada Bangi ke *KL* [Kuala Lumpur] belajar kat bettach kaunser supaya memperbaiki dan nampak baiki sebab bila saya lepas tu saya naik daripada kelas B ke kelas A, *English* kelas A, tapi bagus *you* [awak] punya *pronunciation* [sebutan]. Sebab itu kita kena usaha bila kita tahu kelemahan kita, usaha perbaiki kalau macam sekarang macam orang tua kan tak tahulah *online* [dalam talian] tak tahulah grab, tak tahu asal mata kita pandang belajar boleh pakai. Tu saya kat kawan saya kak kenapa akak *tak nak* [tidak mahu] bayar *online* [dalam talian]. Akak *tak* [tidak] tahu, (sambil ketawa) nanti saya buat kelas kat akak macam mana nak bayar online. Sebab saya pun tua ramai je orang, kenapa kawan-kawan saya yang tak nak percaya online, saya rasa asalkan *you* [awak] hati-hati guna *InsyaAllah* selamat je yang itu kan. Okay,

balik *question* [soalan] tadi, itu antara nilah saya ambil yang lebih menjurus. *Alhamdulillah* sebabkan takut subjek tu *killer subject* [subjek yang susah], saya belajar seperti biasa sambung balik cara pengajian saya, sorang-sorang di matrik degree saya buat, Masters pun anak-anak suami tidur sebelah saya akan pergi bilik study saya akan berjaga guna macam *you all* [awak semua] guna macam ni dengar *lecture* [syarahan] sebab kita belajar Bahasa Inggeris lepas tu belajar Bahasa Inggeris dia orang guna *English* yang *accent* [loghat], macam orang Kelantan “*kecek kelate*” (cakap bahasa Kelantan), orang Scottish *kecek* (cakap) Scottish. Saya pengsan nak dengar masa tu apa benda kau cakap ni hari-hari dengar sampai saya tidur pun dengar saya punya Prof Adam tu, Prof Kris tu, Prof semua Prof saya dengar. Saya bangga sebab Prof saya kat University of London tu semua penulis buku kan saya boleh tunjuk buku-buku *dia orang* [mereka]. Saya *happy* [gembira] sangat sebab sebelum datang sini, profesor saya sebab tu saya sekarang kalau saya pencen saya akan menulis buku lagi banyak saya ada buku tapi tak berapa seperti hasrat saya, saya nak buku yang saya sendiri tulis sorang, *tak ada* [tiada] masa kena menulis dengan pelajar, kena menulis dengan kawan-kawan, nanti *Insyallah* saya pun sudah berurusan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, mereka pun kata nanti Prof pencen ke tak pencen ke, tahun depan tu saya akan keluar buku lagi *Insyallah*, tahun ini pun ada keluar buku. Dia kata kita akan buat Prof buku bersiri, dia tunggulah kalau saya dah pencen *Insyallah* saya akan buat Nona Teknologi Maklumat di Malaysia, Nona Harta Intelek di Malaysia, Nona Paten, Nona Hak Cipta, saya tak, kau nak untung tu saya nak manfaat ilmu orang pada, sebagai ilmu. Ya betul.

**ZZ** : Untuk soalan terakhir slot latar belakang pendidikan, apakah kursus atau subjek yang Prof pelajari setakat ni paling berkait rapat dengan kerjaya Prof?

NAM : Undang-Undang Teknologi Maklumat, kalau Undang-Undang Harta Intelek Saya rasa Undang-Undang Harta Intelek lah yang paling sangat dekat dengan hati saya sebab Undang-Undang Harta Intelek ni *tak* [tidak] ramai pakar pun di Malaysia terutamanya orang-orang Melayu, kalau yang praktis kat luar pun orang Melayu tak berapa termenonjollah, so saya banyak macam saya pergi Korea, saya Korea selalu kan kalau kita pensyarah kita pergi *conference* [persidangan], mereka pergi mereka bayar duit conference tu mereka kena bayar pergi conference tu. Saya dijemput dan saya dibayar oleh pihak Korea. So, saya tanyalah pihak Korea tu macam mana, "*How did you get my name*", "*How did you know that I am doing copyright*", tanya Prof Nazura. Dia kata "*someone from Korea propose your name*", ". *May I know who is, we are not very sure but our counterpart in Korea*", tanya Prof lagi, Maknanya apa yang saya dah buat sebelum ni beri *impact* [kesan] pada mereka. Saya pernah buat ada *research* [penyelidikan] dengan Korean University Ajou, saya pergi tapi saya tanya kawan saya Prof Daniel, "*Prof Daniel, did you give my name*", dia kata tidak so *someone else* [orang lain]. Saya *tak tahu* [tidak tahu] siapa, mungkin orang kenal saya dalam mana-mana ni, kemudian sebelum tu saya pergi saya dilantik oleh United Nation juga dipanggil untuk bagi *sharing* [perkongsian] maklumat berkaitan dengan *Information Technology* [Teknologi Maklumat] yang saya pergi Indonesia, Jakarta adalah bersama dengan *United Nation Office on Drug and Crime* [Pejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah] dan mereka pun datang sini minta saya buat *research* [penyelidikan] lah on that one saya bekerjasama dengan macam fakulti you all, Fakulti Teknologi Maklumat dan Teknologi Sains Maklumat, media semua, semua yang Bahiyyah dengan Zarin belajar tu semua ada kat situlah jadi saya dipanggil, jadi bila kita buat kita minat macam Zarin kata tadi kita minat sebenarnya subjek tu jadi kita rasa macam seronok sekarang kes



macam contoh *Copyright* [Hak Cipta] kan artis dengar tak lepas Covid artis miskin duduk pondok, tepi sungai tak [tidak] makan, padahal *dorang* [mereka] ada royalti, mana royalti dia orang. So, saya nak bercerita nanti dalam salah satu slot dalam National FM mungkin minggu depan atau minggu lagi satu, tengoklah macam mana. So, saya nak *share* [kongsi] macam mana pihak artis ini perlu sedar, dia mesti tahu kita tak boleh harap orang dalam hidup ingat ya Bahiyyah dengan Zarin, jangan kenapa kau tak bagitahu aku, kenapa aku tak tahu, kenapa kau tak cari tahu, itu soalan dia. Kalau kita rasa kita terkebelakang kenapa aku terkebelakang, sebab tu saya dengar tadi satu ustaz cakap pagi tadi saya dengar suami saya pagi-pagi dengar pakai apa, “*YouTube*” dia kata “*satu saat berfikir lebih baik daripada berapa jam, kita satu minit berfikir daripada beribu-ribu minit kita belajar*” ke apa macam tulah maknanya dia suruh kita berfikir, berfikir itu lebih baik daripada kita buat benda lain. Jadi, maksudnya bila kita duduk kita jangan salahkan orang, orang yang suka salahkan orang ni tak berfikir, dia fikir dia bagus je, kau je semua salah, takkan ke mana hidup dia betul. Fikir, bila kita tunjuk sambil-sambil cerita ni saya bagi nasihat juga pada diri saya sebab kita tunjuk ni tangan kita ni tengok banyak kat kita ni daripada yang kat sana (sambil menunjukkan isyarat tangan), lepas tu saya suka bila saya bercakap saya bagi nasihat sebab kita ada masa kita boleh bagi nasihat, ada masa kita tak ada nasihat, kita tak nak jugak nasihat, Nazura kau jangan gitu-gitu kan gila pula hari-hari, ada juga kadang-kadang cakap tu nak *motivate* [motivasi] tapi tak adalah hari hari kan. Jadi bila saya cakap dengan Bahiyyah cakap dengan Zarin, saya nasihat, saya nasihat diri saya sebenarnya, jangan cari salah orang Nazura, kau cari salah kau tapi kalau betullah dia bersalah tak apa kalau kau tak dapat ubah pun *Allah* ada senang je, saya situ je tapi akhirnya saya cakap betul, bila kita buat salah kita akan dapat kejahatan kesalahan itu, bila kita buat baik kita akan dapat kebaikan perkara baik yang kita buat. Percayalah, kalau orang bukan Islam atau orang-orang tak percaya agama dia akan percaya bahawa itu hukum “*karma*”, tapi kita memang agama *Allah* memang kata begitu buat baik balas baik buat jahat balas jahat, sebab tu ada syurga

neraka kan. Okay, balik cerita apa tadi, sebab saya sukalah *IP* [Intellectual Property] tu, jadi dia suruh tanya saya suka terutama kalau Intellectual Property tu IT kita panggilah khususnya di bidang Hak Cipta jadi banyaklah di Perbadanan Harta Intelek, Miko. Kementerian dalam Negeri memanggil saya untuk membantu mereka meminda undang-undang, membantu mereka membuat garis panduan, nanti itu banyak lagi kerja saya.

**NBH : Kenapa Prof lebih berminat kepada bidang IP berbanding dengan subjek lain memandangkan masa Prof belajar teknologi belum berkembang lagi?**

**NAM :** Pandai bagus soalan itu. Sebab bila saya tengok masa tu saya pun tak tahu sebenarnya Aisyah. Sampai sana je saya tengok subjek-subjek, lepastu saya cakap dengan *husband* [suami], bang tapi subjek ni ramai orang tak lulus, itu kata-kata hikmah suami saya, ambil subjek orang lain tak ambil sebab kita nak bawa ke bawah, saya yang nak cerita sayalah orang pertama di Malaysia yang memperkenalkan Undang-Undang Teknologi Maklumat di Malaysia. Dulu UM *tak ada* [tiada], UiTM tak ada semua tak ada. Tahun *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997], lepas tu mulalah ada orang lain dah ada kan dah lamalah anak-anak murid saya ni dah ramai, sebab tu saya nak ambil walaupun betul masa saya belajar Undang-Undang Teknologi Maklumat, internet pun saya tak tahu apa. Saya duk *imagine* [bayang] masa tu dah ada internet, *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] kan ada internet, kita pergi *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995], di sana dia orang dah pakai internet dah sebab mat saleh dia cepat, tapi saya memang *slow* [lambat] lah pasal, apa bendalah *imagine* [bayang] lah apa tu, tak apalah kita tengok komputer takut nak pegang pasal kita tak pandai nak guna komputer kan, tapi mejin-mejin *Alhamdulillah* lulus syukur pada "*Allah Subhanallah taa'la*".

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL

**NBH** : **Sekarang kita akan beralih kepada kerjaya. Untuk kerjaya awal, sebaik sahaja Prof menamatkan kajian , apakah pekerjaan yang Prof lakukan? Contohnya selepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Apakah pekerjaan pertama Prof sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah?**

**NAM** : Selepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya tidak bekerja mana sebab sayakan cerita saya suka tolong mak saya. Saya memang duduk dengan mak dan tolong mak. Mak kan berniaga, jadi saya pun tolong apa yang patut itu *je* [sahaja]. Kalau nak anggap sebagai pekerjaan, pekerjaan sebagai anaklah. Saya tidak ada bekerja secara formal tapi saya mula bekerja selepas saja habis pengajian di *LLB* [Ijazah Sarjana Muda Undang-undang]. Saya buat *chambering* [latihan dalam kamar] tu dia agak bekerja kemudian saya sambung lagi tutor. Sebenarnya nak jadi pensyarah. Pensyarah tu sampailah sekarang. Mula-mula pensyarah DS45 dia punya gred kemudian naik di DS51, *sorry* [maaf] DS52 dan DS54, Prof Madya dan sebenarnya sekarang VK7 itulah iaitu Professor penuh

**NBH** : **Sebagaimana Prof kata Prof menolong bonda Prof berniaga, dimanakah tempat perniagaan tersebut? Adakah rumah ke rumah ataupun di gerai kecil?**

**NAM** : Okay [Baiklah], mak saya ambik tempahan . Tempahan kuih jadi orang datang kat rumah. Sebelum tu dia juga berniaga di kantin sekolah ataupun kalau adakan sesekolah pesta sukan meniaga jadi saya bantulah on and off [sementara] bukanlah sentiasa, bila takde [tiada] kelas, tak sekolah, cuti-cuti saya bantu mak lah tapi kebanyakannya bantu tu selain daripada membantu membuat kuih, memang saya pandai buat kuih masatu sebab belajar dengan mak sampai saya cerita tadi anak saya sekolah saya buat karipap jual laku sekolah sampai tahu tak sekolah anak saya, saya buat karipap telur tu sampai sekarang kalau cikgu dia

jumpa Aqilah, cikgu tu bukan tanya khabar Aqilah, “Aqilah jual lagi ke karipap lagi tak” (buat mimik muka) kesian-kesian. Masatu tu Aqilah cakapla, “Ibu , ibu tahu tak cikgu Aqilah semua ingat ibu suri rumah tangga”, jadi dia orang macam nak tolonglah. “Biar-biarkan kita bukan tipu kan (sambil gelak)” kata saya, lepastu tapi sebenarnya hakikatnya mereka membeli kuih tu kata Aqilah, “Bukan sebab ibu suri rumah tangga sebab dorang suka kuih tu kan (sambil gelak)”.

**NBH : So [jadi] masa Prof menolong bonda Prof meniaga, adakah Prof mendapat sedikit upah ke daripada perniagaan tersebut?**

**NAM :** Saya tak *mintaklah* [minta] tapi kan kita pun tak kerja kalau kadang-kadang nak beli *skincare* [penjagaan wajah], pencuci muka, nak beli baju *simple-simple* [biasa-biasa] ke minta lah kat mak masatu. Masatu tak i [minta] kat abah, selalu minat dekat mak. Mak pun memang pemurah, kadang-kadang dia bagi je. Masatu mana nak boleh kerja-kerja *part time* [sementara] lepastu saya nak kerja kilang *part time* [sementara] tak bagi lepastu kata orang kilang ni tak bagus ,tak bagi kerja kilang. Lepastu saya nak kerja kelapa sawit, nak potong-potong kelapa sawit tu dapatlah *sepuluh ringgit* [RM10] ke *lima belas ringgit* [RM15] satu hari. Tak baginya jugak, jadi tolonglah ajelah mak kan. Kononnya nak peganglah duit kan duit sendiri.

**NBH : Kiranya Prof menolong bonda Prof meniaga, kenapa Prof tidak menceburi bidang perniagaan? Kenapa beralih kepada pendidikan undang-undang?**

**NAM :** *Okay* [Baiklah], sebab saya rasa satu mak ayah kita pun dulu-dulu kan suka kita nak kerja kerajaan. Mak kita pun bagi *encouragement* [pembakar semangat] kerajaan tu bagus. Betullah ada bagus, ada juga mungkin dia punya kebaikan dan kebuurukan. Keburukan tak banyaklah. Kalau kita kerja kerajaan di peringkat tertinggi bagus kalau kerja-kerja kerajaan peringkat rendah, kerja kita panjang

bukanlah nak busuk hati tapi pendapatan kita sikit , kita kena buat *part time* [kerja sambilan]. Kalau kita bekerja di peringkat tertinggi gaji kita cukuplah, inshallah. Jadi itu okay. Saya tak meniaga tu sebabnya mungkin ada darah berniaga tu tapi itulah peluang lain ada. Bila kita ada *degree* [ijazah] tak macam sekarang walaupun kita ada *degree* [ijazah] peluang tak ada jadi budak *u* [universiti] *push to do business* [terpaksa berniaga] kan tetapi ada juga yang memang suka macam anak saya , saya cerita tadi, Aqilah, dia memang *degree marketing business* [ijazah sarjana muda perniagaan] dia memang buat buat *business* [berniaga] walaupun dapat *offer* [tawaran] yang bagus, kerja pun dia *taknak* [tidak mahu] tapi tak ramai macam tu. Ramainya kerana peluang itu kurang maka mereka buat *business* [perniagaan]. Sekolah-sekolah, budak-budak universiti pun ada kan jual kuih rayalah, jual tudunglah, *online* [atas talian], pakai *IG* [instagram] , Tiktok lah kan. Sekarang senang tak macam zaman saya dulu kan. Itu mungkinlah sebabnya.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA

- NBH** : Seterusnya kita akan beralih pula kepada maklumat sebenarnya kami ingin temu bual iaitu pengalaman kerja Prof. Bolehkan kami tanya tentang kerjaya Prof terutamanya dalam bidang siber? Soalan pertama sebagai seorang pakar dalam bidang undang-undang teknologi, bolehkah Prof terangkan serba sedikit berkaitan undang-undang ini dan beberapa akta yang Prof telah gubal di Malaysia yang berkaitan dengan teknologi maklumat.
- NAM** : Baik. Bidang undang-undang teknologi maklumat ini sangat luas. Banyak orang ingat undang-undang siber sahaja. Sebenarnya undang-undang yang biasa pun terpakai sebab undang-undang teknologi maklumat ini sebenarnya terbahagi kepada *dua* [2]. Satu kita panggil undang-undang berkaitan siber. Kedua undang-undang berkaitan komputer. Ada beza kan komputer dan siber. Siber tu lebih kepada alam siber itu, tempat di mana sesuatu aktiviti berlaku, komputer pula adalah alat yang diguna pakai untuk sampai ke alam siber. Jadi kalau untuk alam siber ini, undang-undang berkaitan siber ini memang khusus, daripada korang pernah dengar Koridor Raya Multimedia tahun *sembilan belas sembilah puluh enam* [1996], kerajaan telah memperkenalkan *empat* [4] akta utama pada waktu itu iaitu pertama adalah Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997 dan juga Akta Teleperubatan 1997 dan akhirnya akta adalah Akta Hak Cipta 1987 tapi pindaan 1997. Tujuannya adalah untuk membantu penguatkuasa undang-undang atau kerajaan dalam mengawal selia perkara-perkara berkaitan dengan siber. Kenapa? Sebab 1996 tu lah Malaysia sudah ada internet sebelum tu kan *takde* [tiada] kita mula ada *hacking* [menggodam] lepastu sekarang lagilah banyak dengan *scam* [penipuan] dan sebagainya. Jadi itu akta-akta. Kemudian diikuti dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kemudian ada Akta Perdagangan Elektronik 2006, kemudian Akta Aktiviti Kerajaan 2007 kemudian *last* [akhir] sekali adalah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Tu perubahanlah kerana data kita dah banyak pakai makan kita kena lindung data peribadilah. Itu antara akta-akta yang telibat. Walaubagaimanapun banyak berlaku di dalam hari-harian kita dalam *social media* [media sosial] berlaku banyak contohnya kan banyak kes-kes yang menggunakan akta ini. Contohnya Akta Komunikasi dan Multimedia, contohnya apabila orang menghantar apa kata-kata luncah, kata-kata yang menakutkan, kata-kata yang mengancam orang lain ataupun menghantar gambar kepada orang lain yang tak elok yang mana orang tu tak suka tapi kalau orang tu suka tak apa. Contohnya hantar gambar-gambar lucu kepada seorang tu, saya cerita kepada *student* [pelajar] itulah pula undang-undang kita ini. Kalau reda suka tengok tak ada masalah, dia jangan mengganggu orang lain saja di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Pertama Seksyen 211 dan Seksyen 233. Sebenarnya kalau nak cerita ni memang satu semestalah banyakkkan tapi selain daripada itu, undang-undang sedia ada, contohnya undang-undang kanun keseksaan, biasakan dengar tapi contohnya orang fitnah orang dalam sosial media boleh guna, kalau jenayah kita guna penal kod ataupun Akta Fitnah 1957 itu maknanya akta yang sedia ada tetapi boleh dipakai kepada hal ehwal yang berkaitan dengan siber. Maknanya taklah hanya undang-undang siber sahaja dan akta komputer lebih kepada contohnya melindungi *software* [perisian], hak cipta, *pattern* [corak] itulah antaranya yang berkaitan. Kontrak.

**NBH : Adakah Prof pernah menjadi penasihat undang-undang kepada beberapa organisasi sebelum ini terutamanya swasta?**

NAM : *Okay* [Baiklah] saya tak menjadi penasihat undang-undang, saya pensyarah. Saya bukan penasihat undang-undang tetap tetapi saya banyak memberi bantuan konsultanlah, sebagai konsultan. Antara yang terbesar yang pernah saya capai adalah sebagai *local consultant* [penasihat tempatan], domestik konsultan kepada World Intellectual Property Organization. Itu United Nation punya organisasi. *World YPO* [komuniti kepimpinan ketua esekutif antarabangsa] kita panggillah. Saya menjadi *consultant* [pensihat] domestik untuk menghasilkan *National Intellectual Property Policy* [Dasar Harta Intelek Negara] *dua ribu dua puluh dua* [2022]. Sepatutnya keluar *dua ribu dua puluh dua* [2022] tetapi kerana sebab tertentu patutnya *dua ribu dua puluh tiga* [2023] tapi masih lagi tak sebab kita ada kerajaan yang berubah haritu kan jadi ada sikitlah kita punya ni tapi mungkin inshallah *by next year* [menjelang tahun depan] akan keluarlah *NIPP* [Dasar Harta Intelek Negara] tu. Itu antaranya tapi saya sebenarnya banyak dengan *MyIPO* [Perbadanan Harta Intelek Malaysia], Perbadanan Arkib Intelek, saya banyak memberi mereka nasihat semasa terlibat dalam jawatankuasa penggubalan pindaan dan sebagainya. Macam saya pergi royalti baru tu pun adalah adalah salah satu *Ad Hoc Commitee* [Jawatankuasa Ad Hoc] yang akan melibatkan kepada pindaan hak cipta nanti.

**NBH : Berdasarkan maklumat yang kami peroleh dari internet, Prof telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi di Tribunal Hak Cipta Malaysia. Bolehkan Prof terangkan serba sedikit tentang pengalaman Prof pada hari pelantikan tersebut?**



NAM : *Okay* [Baiklah], saya sangat berbesar hatilah apabila pihak MyIPO [Perbadanan Harta Intelek Malaysia] melantik sayalah sebab ini adalah lantikan menteri di bawah Kementerian Perdagangan Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya dilantik tu betul-betul selepas sedikit Covid , masa Covid tahun *dua ribu dua puluh dua* [2022] sampai *dua ribu dua puluh tiga* [2023] kita tiga tahun kita habis dan sekarang kita tengah menunggu pembaharuan lantikan sebab kita kan meninggalkan menteri baru-baru ni, *Salahuddin Ayub* [Menteri Perdagangan Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]. Jadi tak ada yang *sign* [tanda tangan] surat watakah perantikan. Jadi dia *hold* [tanggung] sekejap. Saya dilantik itulah tarikhnya nanti saya akan bagi tapi dilantik pada tahun *dua ribu dua puluh* [2020] sampai *dua ribu dua puluh tiga* [2023] yang melantik adalah menteri Kementerian Perdagangan Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan tugas saya adalah untuk melihat kes-kes yang berkaitan dengan hak cipta. Dia ada *lima* [5] bidang kuasa. Antaranya ada isu royalti, isu saraan saksama yang berkaitan dengan penggiat senilah, artis dan sebagainya. Adalah dia ada *lima* [5] tu.

**NBH : Selepas Prof dilantik sebagai Timbalan Pengerusi di Tribunal Hak Cipta Malaysia, adakah prof terasa terbebani dengan jawatan tersebut sebab Prof mempunyai pekerjaan tetap sebagai pensyarah di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].**

NAM : Tak juga sebab buat masa ni tribunal hak cipta tu kurang aktif kerana kekurangan apa nama tu kesedaran di pihak pengguna maksudnya contoh orang seni, penggiat seni, terjemahan dan sebagainya kalau mereka tak puas hati dengan *license* [lesen] ataupun dengan bayaran royalti dan sebagainya tapi mereka tak datang. Sebab tak datang tu kenapa, mereka kalau ada masalah mereka terus pergi ke menteri, dia tak datang, dia tak tahu tribunal ini dan dia takut pergi ke tribunal ni nanti kalau bawa ke mahkamah dia ingat macam mahkamah biasa nanti menjejaskan ekonomi dia orang, orang tak nak sebab

takut orang bawa kes ke mahkamah. Contoh itu antara perkara yang kita kena lihat dan perbaiki supaya menggalakkan lagilah pihak-pihak di luar saya yang berkaitan untuk datang dan akses kepada keadilan melalui mahkamah tribunal hak cipta.

**NBH : Selain itu, kami juga dapati bahawa Prof juga memegang jawatan dalam aspek keselamatan siber, keselamatan maklumat serta dasar undang-undang? Bolehkan Prof ceritakan apakah jawatan-jawatan tersebut dan bagaimanakah Prof boleh mendapat jawatan tersebut?**

**NAM :** Ini sebenarnya lebih kepada - - -. Beberapalah , satu di peringkat universiti sendiri. Saya terlibat dalam membina polisi keselamatan siber *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] dan Saya sebenarnya banyak terlibat dalam apa nama tu, aktiviti-aktiviti berkaitan dengan keselamatan siber. Saya dipanggil oleh *Puspahanas* [Pusat Pengajian Pertahanan Nasional, apa ni akademi latihan untuk anggota tentera teratas tu. Apa yang pengurusan tertinggi , general tu untuk saya bagi berkaitan dengan keselamatan siber dan jawatan tadi itulah kalau dari segi membantu untuk membuat polisi tu adalah sebagai salah seorang dari jawatankuasa pembina polisi berkaitan dengan siberlah di universiti dan pernah dengar tak Akta Anti Berita Tidak Benar. Akta tu sebenarnya baru sahaja diperkenalkan, saya terlibat dalam pemikiran akta tersebut tetapi kemudiannya kerana perubahan kerajaan dan sebagainya, mereka merasakan akta tidak adil. Pada saya rasa akta tu bagus dah mungkin kita memperbaiki perlaksanaan bukan menghapuskan akta tu kan (sambil mengganggu). Jadi saya terlibat dalam pembikinan akta tu dan agak banyak juga tapi kadang-kadang banyak sangat, saya dah lupa. Macam saya pergi ke Indonesia itu, berkaitan dengan isu-isu *crypto* [saham], keselamatanlah tu. Bekerja dengan pihak - - -. Sebab tu buku saya yang pertama adalah ‘Jenayah Berkaitan Komputer, Perspektif Undang-Undang Malaysia’ diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka berkaitan dengan keselamatan siber.

**NBH : Kami juga dimaklumkan bahawa Prof juga telah menjadi konsultan bagi membangunkan dasar dan strategi harta intelek negara. Boleh kami tahu apakah dasar-dasar yang Prof utarakan dan bagaimana dasar-dasar tersebut memberi impak kepada masyarakat dan negara?**

NAM : Mungkin saya boleh cerita secara umum sebab dasar tu masih rahsiakan (mengangguk). Jadi dasar tu sebenarnya adalah untuk menambah baik dari segi perlindungan dan pengkomersialan harta intelek di Malaysia. Sebab kalau kita dapat - - - . Mungkin untuk pengetahuan semua kita memang ada lah harta intelek kita perlindungan di Malaysia tetapi mungkin agak terhad dari segi macam mana kata undang-undang yang ada , kesedarannya kurang itu satu. Yang kedua jika ada undang-undang, sekiranya pihak yang ingin menghasilkan inovasi, kadang-kadang mereka tak tahu bahawa mereka ada undang-undang untuk melindungi mereka. Jadi senang orang nak tiru. Macam orang buat *copyright* [hak cipta] orang buat lagu, orang senang saja tiru sebab dia tak tahu hak dia jadi antara polisi, perkara-perkara polisi ada beberapa prinsip dalam tu dan antaranya adalah berkaitan dengan kesedaran harta intelek, kita tengok berkaitan dengan akses kepada keadilan harta intelek, juga berkaitan dengan apa nama tu, bagaimana untuk mempergiatkan lagi, menambah baik lagi perlindungan terhadap inovasi dan sebagainya. Jadi itu antara perkara yang untuk kita buat tambah baik dan juga paling penting adalah perlaksanaan secara holistik oleh semua agensi-agensi kerajaan dan juga swasta. Sebab sekarang ni kalau kita kata budaya intelek kata *MyIPO* [Perbadanan Harta Intelek Malaysia] sebab nama dia ada *IP* [harta intelek] kat situ tapi masalahnya dekat Malaysia ni caranya bekerja begini, bila kita merupakan - - -. *MyIPO* [Perbadanan Harta Intelek Malaysia] merupakan *guardian* [penjaga] kepada harta intelek di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi kementerian dalam negeri ni dia merupakan salah satu *dua puluh* [20] berapa kementerian yang kerajaan ada *dua puluh lima* [25] ke *dua puluh satu* [21] ke. Kemudian dia ada kementerian lain, Kementerian Sumber Asli, Kementerian Perdagangan Negeri dan

banyak-banyak kementerian apa nama tu alam semula jadilah macam-macamlah pertanian sebagainya. Jadi mereka sebenarnya berada dalam dalam *level* [taraf] yang sama satu konteks yang sama , satu taraf yang sama macam *you* [awak] dengan Zarin samalah (sambil menunjukkan kearah Zarin dan Bahiyah). *You* [awak] bukan tinggi pada Zarinkan. Jadi bila kata *MyIPO* [Perbadanan Harta Intelek Malaysia] cakap kadang-kadang *ministry* [menteri], kau siapa tak dengar jadi kita nak menjadikan supaya kalau boleh dengan adanya NIPP ni kalau boleh akan ada yang kita panggil sebagai macam Majlis Sosial Negara, Majlis Tvet Negarakan. Kalau boleh kita ada Majlis Inovasi Negara yang mana harta intelek merupakan satu, kalau bolehlah Majlis Harta Intelek Negara lebih bagus sebab dia merupakan salah satu agenda negara jadi bila agenda negara di bawah *Prime Minister* [perdana menteri] dia akan turun semua kena ikut kalau tidak orang ni *follow* [ikut] ni tak *follow* [ikut]. Jadi susah. Itu antara kita punya hasratlah kalau booleh capai inshallah.

**NBH : Bagaimanakah Prof membahagikan masa sebagai Timbalan Pengerusi di Tribunal Hak Cipta Malaysia dan sebagai seorang pensyarah serta beberapa jawatan lain. Adakah prof pernah menghadapi kesulitan untuk membahagikan masa sebagai seorang yang berjawatan tinggi?**

NAM : Saya rasa masa tu boleh sahaja kita bahagi tapi memang agak mencabar. Kadangkala kita terlalu sibuk, kita pun penat kalau kita tak sempat nak menajaga diri kita tak sempat *excercise* [senaman]. Adakala kita ada masa tu kita perbaikilah ya keadaan tu tapi sejauh ni alhamdulillah mungkin saya disokong oleh suami dan anak-anak saya selalu keluar negara, keluar negeri , jadi sama ada selalunya kadang-kadang saya pergi sendiri, kadang-kadang suami saya teman, anak-anak pun faham walaupun mak takde [tiada] kat rumah , dia faham itu kerja mak dia. Dah lama dah macam tu kan. Jadi faham kadang-kadang mana ibu, kat mana ibu, “Ibu kat KL [Kuala Lumpur] ni ibu

*meeting* [mesyuarat], ibu kat ni”, dan saya ada jugak orang membantu, pembantu saya dekat rumah pun sangat baik, jadi saya syukurlah sebab saya dalam keadaan kesibukan tetapi ramai yang menyokong, ramai yang membantu jadi saya rasa kurang sikit bebanan walaupun memang penat sebenarnya (sambil menunjukkan mimik muka penat). Betul-betul penat sebab kita memang banyak kerja tetapi yelah beberapa lama pun, kalau panjang umur tak lama pun nak pencen. Jadi semua ini merupakan kenangan manis untuk sayalah selain daripada menjadi mungkin harap jadi ilmu bermanfaat kepada orang lain inshaallah.

**ZZ : Seterusnya, selain daripada kerjaya Prof dalam bidang keselamatan siber, dasar dan undang-undang, kami juga dapati Prof telah menjadi panel dalam beberapa program. Saya nak tanya, sudah berapa kali Prof melibatkan diri sebagai ahli panel dalam seminar atau program-program TV?**

NAM : Agak banyak, sekarang ni pun baru semalam saya dipanggil untuk program radio lah ya mungkin radio dan TV lah ya. Kalau TV Saya pernah dipanggil oleh pihak apa nama Astro Awani ya juga RTM [Radio Televisyen Malaysia] baru-baru ni RTM ya dan juga mereka printer pun ada datang untuk interview saya macam nilah ambil gambar dan sebagainya keluar surat khabar, surat khabar dulu pada *dua ribu sembilan belas* [2019]. Selalunya kebanyakannya apabila timbul isu-isu berkaitan dengan keselamatan siber ataupun isu-isu berkaitan IP bukanlah kerap tapi ada dipanggil macam ni macam bila mereka rasa perlu ada *awareness* [kesedaran] dia akan panggil kita untuk bagi sedikit *talk* [perkongsian] lah ya dalam radio dan sebagainya. Saya suka sebab saya kata tadi saya suka nak *share* [kongsi] dengan orang supaya jadi manfaat jadi nak kata berapa tu tak boleh tak tahulah nak dikirakan tapi adalah beberapa kali okay.

**ZZ : Boleh tak Prof ceritakan dengan lebih lanjut program yang Prof hadiri?**

NAM : *Okay* [baiklah], kalau dalam Nasional FM tu saya tak ingatlah ada nama nanti boleh saya bagi kemudian mungkin nama-nama dalam Astro Awani dan sebagainya adalah tapi saya bermula pada tahun sekitar sebelum saya menjadi Dr lagi rasanya saya dipanggil oleh Radio Ikin pada hari Rabu berkaitan dengan apa nama undang-undang dan dia ada isu undang-undang dan syariah macam itulah saya dipanggil masa tu rasanya selang dua minggu ke selang sebulanlah lepas tu tak ada dah sebab saya sambung PhD., kemudian inilah sekarang ni akhir-akhir ni dia bergantung kepada kes-kes dan sebagainya saya ada dipanggilah.

**ZZ : Seterusnya, apakah kriteria-kriteria yang Prof miliki sehingga dikenali ramai dan di jemput menjadi panel dalam program-program?**

NAM : Saya rasa yang pertama adalah kepakaran, jadi satu kerana kepakaran asalnya saya dipanggil oleh National FM, saya keluar dalam RTM [Rancangan Televisyen Malaysia] bila saya keluar sekejap je dalam RTM tiba-tiba FM panggil. Jadi, satu saya rasa memang kepakaranlah yang kedua mungkin ada berapa yang dipanggil untuk saya bagi banyak wacana bagi *talk* [perkongsian] bukan saja di TV, kan saya kata ada di universiti lain banyak universiti, UiTM pon ada panggil saya mungkin selain daripada kepakaran mungkin mereka suka kut cara saya kut saya baru dipanggil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk bagi *talk* [perkongsian] *dua* [2] jam. Lepas tu [selepas itu] nanti kita akan panggil Prof tahun depan kata saya tak apa saya okay je suka je sebelum tu dengan MPOB, apa Institut Aminuddin Baki banyaklah ya kebanyakannya memang kepakaran saya tapi mungkin kepakaran tu ramai juga orang pakar dalam bidang yang sama mungkin cara saya kut saya rasalah takdalah syok sendiri cara mungkin cara saya tu yang, ya cara penyampaian yang senang

nak faham dan juga saya ni apa nama tu suka menerangkan dengan cara yang termudah. Tak nak saya walaupun Profesor saya tak suka menceritakan teori, menceritakan apa saya suka menceritakan sejarah, pemakaian, masalah dan bagaimana kita nak menambah baik. Jadi dia nampak benda tu bukan semua orang boleh belajar *philosophy* [falsafah], mungkin itulah kut mungkin lah.

**ZZ : Okay, kami juga dapati Prof terlibat dalam memberi ceramah di universiti-universiti berkaitan dengan plagiat yang menjadi isu hangat. Boleh Prof ceritakan dengan lebih mendalam?**

NAM : Okay, plagiat itu memang menjadi isu besarlah sebab apa plagiat ada bersangkutan paut dengan *copyright* [Hak Cipta] juga kan *plagiarism* [plagiat] ini banyak terjadi apabila pelajar-pelajarlah masa zaman sekarang senang dah *copy paste* [salin tampal] ada sekali saya tengah *marking* [menanda,] kenapa saya macam kenal, faham je saya macam saya kenal je tu rupanya saya punya buku sendiri *dorang* [mereka] *copy* [salin], kosonglah markah *student* [pelajar] sendiri ambil *copy paste* macam tu boleh faham itu tulisan kita kan, jadi saya bagilah pelajar-pelajar--- Mula-mula saya dipanggil oleh plagiat dulu dipanggil oleh universiti lain kemudian daripada Universiti *UMT* [Universiti Malaysia Terengganu] panggil saya, saya selalu dipanggil universiti luar, kemudian baru *UKM*, pastu baru Oh Prof boleh panggil, sekarang ni dipanggil pula baru-baru ni bukanlah banyak kali jugalah mereka panggil saya cerita pasal plagiat, cerita pasal apa etika, integriti saya pun ada bagilah jadi banyak kita menceritakan berkaitan dengan bagaimana plagiat berlaku, apakah peraturan undang-undang yang berkaitan, kadang-kadang orang tak tahu peraturan tu ada, undang-undang tu ada, apa perbezaan antara *copyright* dengan plagiat juga saya ada *share* [kongsi] lah jadi barulah mereka sedar bahawa sama ada mereka kadang-kadang kita ingat plagiat tu, apa *you all* [awak semua] pikir, Zarin dengan Bahiyah, plagiat tu apa? "*Plagiat tu maksudnya kita ambil sesuatu maklumat daripada orang tu tanpa kita kredit*",

kata Bahiyah [penemubual]. Ha tanpa kita memberi kredit atau memperakukan kerja orang itu, itu yang banyak difahami memang betul-betul itu definisi yang paling terbaik tetapi di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] sebab plagiat dia *tak ada* [tiada] undang-undangnya, *copyright* [Hak Cipta] itu lain sikit dengan plagiat jadi sebab *copyright* bila kita ambil kita belajar dia ada bagi *exemption* [pengecualian] dari *copyright production* [penghasilan hak cipta]. Kita belajar macam Bahiyah dengan Zarin belajar ambil letak, letak Prof Dr Nazura Abdul Manap letak itu tidak menjadi okay, itu tak plagiat itu juga tak ada *copyright infringement* [pelanggaran hak cipta] tapi katalah Aisyah tengok apa ni Zarin tengok buku saya jenayah berkaitan komputer lepas tu saya nak buat buku yang sama, *you* [awak] baca lepas tu buat buku yang lain daripada idea kita dapat, tapi kita *tak* [tidak] tiru daripada situ kita idea kita dapat tapi macam tiru tapi kita tak copy paste, kita olah balik lain kita punya tak payah kita letak pun dalam buku tu, *copyright* kata tak apa sebab kita tak copy paste, tapi plagiat kata tak boleh sebab sama, plagiat kata kena letak jugak, kalau *copyright* kita selamat tapi plagiat kita tak [tidak] selamat. Jadi plagiat ini adalah peraturan yang dibuat mengikut organisasi masing-masing. *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] ada dia punya peraturan, *UM* [Universiti Malaya] ada, *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] ada, jadi dia macam lebih kepada *administrative* [pentadbiran], kalau dia punya *punishment* [hukuman] pun *administrative punishment* [hukuman pentadbiran].

**ZZ** : Seterusnya, adakah Prof pernah terlibat dengan seminar antarabangsa sepanjang hidup Prof sebagai tokoh undang-undang. Boleh ceritakan program apa, bila?



NAM : Banyak saya rasa. okey antara yang saya teringat, teringat saya pergi Korea baru-baru ni, kenapa sebab saya dipanggil *special expert* [pakar khas] dan kita dapat layanan *VIP* [very important person] lah, duduk pun Conrad Hotel memang kalau saya pun tak payah, seribu [RM1000] satu hari kan tak [tidak] mampulah saya tak boleh, kalau mampu pun tak payahlah. Okay, ada *driver* [pemandu] ambil semua tu yang seronok nya saya jumpa ramai orang kat situ yang kita bertukar-tukar fikiran. Kemudian, saya semasa menjadi dekan banyak jugalah dipanggil ke luar negara di University Virajaya di luar negaralah sama ada secara *offline* [luar talian] dan *online* [dalam talian], online pun banyak sebab bila kita covid dia akan panggil kita, dia akan buat kita offline lah banyak universiti saya boleh bagi nanti dia punya tu *Insyallah*. Antara yang lain saya pernah pergi ke Jepun, ke Indonesia ke Korea. Korea ini adalah kali kedualalah saya pergi yang baru ni kali kedua kemudian ke *UK* [United Kingdom] ke mana lagi saya pergi Singapore, banyak. Mungkin saya ada beberapa negeri yang saya mungkin terlupa mungkin bila kita tengok kita ingatlah sebab kita bukan pergi *tiap-tiap* [setiap] bulan, kita pergi macam setahun, *dua* [2], *tiga* [3] kali macam tu kan jadi kita boleh tengok nanti saya punya *CV* [Curriculum Vitae] ke saya akan tengok balik okey.

**ZZ : Sebelum diwawancara, ada tak Prof buat apa-apa persiapan?**

NAM : Yang inilah saya baca soalan ya sebabnya saya tahu soalan-soalan ni banyaknya dalam CV saya kecuali yang *detail-detail* [terperinci] berkaitan dengan latar belakang peribadi tu mana yang ni ke? secara antarabangsa. Oh antarabangsa maksudnya apa soalan dia.

**NBH : Macam ni, kiranya sebelum Prof diwawancara sebelum Prof ditemubual, Adakah Prof membuat persiapan?**

**NAM :** Betul. Sebab kita kat sana kita akan *present paper* [bentang kertas kerja] kemudian mereka akan tanya soalan. Baru-baru ni pun masa dekat Korea pun mereka tanya soalan tapi *Alhamdulillah* topik yang saya buat tu adalah *copyright system* [Sistem Hak Cipta] in [di] Malaysia, so dia tanya saya bagaimana nak *balance* [seimbangkan] hak pengguna antara soalan daripada Profesor tulah, hak pengguna dan juga hak pembikin. Saya jawablah soalan tu dan dia puas hati sebab saya rasa kalau saya bukan pakar saya tak boleh jawab soalan tu sebab ada juga yang selepas saya masa tu saya kenapa saya keluar sekejaplah. Dia cerita dia kata kita kami kena teruk dia kata ada Profesor tu tanya padahal profesor yang sama juga ada di situ tanya kan ah. Apa nama maknanya kalau kita ni bersedia selain kita pakar dah lama dan kita pun saya tak pernah (tak jelas) apa yang saya tanggungjawab yang saya ada malah bukan saja saya nak pergi *overseas* [luar negara] yang mana *of course* [sudah semestinya] kita kena *prepare* [bersedia] betul-betul kan sebulan sebulanlah. Saya malah kalau saya nak pergi kuliah pun saya *prepare* [bersedia] saya tak boleh saya akan ada kalanya saya akan kalau saya rasa saya kurang *preparation* [persediaan] saya akan rasa berdebar-debar, saya cakap dengan *student* [pelajar] saya saya kata “*You are very important in my life*” [kamu sangat penting dalam hidup saya], saya kata sebab saya kat sini kalau saya tak dapat sampai kat dia macam mana *teror* [hebat] saya kat luar pun “*I am a lousy lecturer*”, so saya kena “*prepare myself as much as I can*” [bersiap sedia sebanyak yang mungkin] lah sebaik mungkin supaya apa nama pelajar tu pergi kelas rasa seronok nak pergi kelas, saya tak boleh tengok student menguap, saya kata *you all* [awak semua] bawa nasi lemak you all bawa nescafe you all bawa kacang boleh bawa untuk saya juga kalau bawa saya saya makan tak boleh nak bercakap kan, dia orang so dia orang pun seronok dia orang makan relaks je depan saya makan, saya tak boleh you all tidur je kalau sebab you tidur saya pun akan tidur depan ni sebab kalau tidur

tu *vibe* [suasana] dia dah jadi lain jadi malas kan, makan tak apa makanlah saya kata janji you all tak mengantuk ha kata tak sempat kata pagi tak sempat makan budak-budak kan bangun lambat, saya kata makan bawak je nasi lemak saya kata makan je tak ada masalah. “*Kiranya dalam kelas Prof tu boleh makan minum sesuka je*”, tanya Bahiyyah [penemubual]. Boleh. Asal jangan kau kotor, lepas tu kau buanglah kat luar. Menarik-menarik. Pastu dia orang pas-pas kacanglah ha semua tak kat sayalah saya tak sempat kita kena buat macam tu. Ha ya betul, kalau kelas Master saya best dengan dengan saya boleh makan, Sebab Dia orang *present* [bentang] saya bolehlah makan nak macam-macam berbotol-botol kan alah sekarang macam itulah belajar saya pergi ke Universiti Adele ha lagi satu Australia. Saya pernah pergi New Zealand pun pernah, Australia saya pergi dekan dia *inspired* [ilham] saya bila saya jadi dekan, saya sangat dekat sebab tu saya panjat gunung, panjat hutan dengan *student* [pelajar], lepas tu saya main *netball* [bola jaring] dengan student, saya menyanyi dengan student sebab saya rasa macam bila kita macam tu dia dekat lepas tu budak-budak yang pergi sampai sekarang baik dengan saya kan, sebab apa dia orang nak apa yang dia keperluan mana yang saya kalau saya tak boleh kadang saya menangis minta maaf tak ada duit saya kata kan. Lepastu saya berusaha cari duit *Alhamdulillah* daripada saya jadi dekan tu tiga puluh ribu [30] je dalam kantung. Saya keluar ada sejuta [RM1 juta] lebih, berusaha cari duit jadi orang yang mengambil daripada saya senanglah ada duit tapi tak apalah untuk kepentingan fakulti kan ah jadi itulah saya maknanya bagi saya ialah apa saja saya buat, buat betul-betul kalau tak jangan buat, mengajar, *interview* [temuduga] pun betul-betul kita buat kan. Okay apa lagi.

**ZZ : Berkaitan dengan kes buli yang berleluasa pada tahun 2020, Prof telah ditemubual oleh Akhbar Berita Harian. Boleh tak Prof ceritakan tentang temu bual tersebut?**

NAM : Ini yang dekat Berita Harian kan, *dua* [2] *page* [muka surat] muka saya tu kan, rasa saya ingat masa *first day* [hari pertama] saya ada masa tu pelajar baru masuk saya naik, saya naik bas dengan Naib Canselor masa tu, (sambil ketawa), lepas tu apa nama media UKM datang, "*Prof gambar Prof dua page hari ni*". Itu antaranyalah yalah kita cerita bagaimana buli boleh berlaku dan buli sekarang ni bukan macam dulu kalau buli dulu kita nampak pukul sekarang ada jugalah pukul, ludah-ludah dan sebagainya kan tetapi buli sekarang ini juga boleh berlaku secara tidak sedar, secara alam maya itu kita bahaya sebab kadang-kadang anak kita di buli pun kita tak perasan kita nampak sebab tu saya cerita pasal Megan Mayor punya kes mana di buli, *US* [United State] lah itu jadikan "Megan Mayor Bill" akta, Akta Megan Mayors. Budak ni umur dia *enam belas* [16] tahun baya-baya Adnin, anak saya tu balik rumah tak keluar-keluar senanglah mata mak dia rupanya dia duduk dalam bilik. Masa tu tak ada lagi "*Facebook*" semua ada "*Myspace*", tahun *dua ribu* [2000] "*Myspace*", ada saya cerita dekat talian tu seingat saya, saya ada keratan dia lagi *Insyallah*. Selepas tu, bila sampai tu elok-elok je mak dia pun senang hati anak dia tak keluar mana-mana satu hari dia tengok dia buka pintu anak dia mati rupanya *check* [semak] balik, anak dia ni lawa orangnya terkenal semua orang nak, kan kat sana dia orang ada yang prom tiap-tiap tahun kan nak panggil dia buat prom semua jadi rupanya dalam *Ciber Space* [Ruang Siber] ni dalam "*Myspace*" ni dia berkawan dengan seorang lelaki, lelaki ni *handsome* [kacak] lah gambar tu handsome, dah bercinta-cinta agaknya kemudian tiba-tiba lelaki tu *shut* [putus] aja, kutuk dia cakap macam-macam tak pasal dia so dia terlampau *in love* [dilamun cinta] dengan lelaki ni tu tak boleh terima tu dia bunuh diri rupanya cerita ni macam mana dia kena buli, lelaki itu buat macam tu adatlh dia nak buat tapi dia dibuli secara tak sedar sebabnya dia ni bila dia *popular* [terkenal] dan sebagainya ni ada lelaki ni datang jumpa dia nak bawa dia pergi prom nak dating dengan dia dia tak nak dia tolak. Lelaki ni marah cerita dengan *mak* [ibu] dia anak budak-budak *lima belas* [15] tahun cerita dengan mak dia, mak dia pun marah so mak dia buka profile "*Myspace*" jadi yang lelaki yang *handsome* [kacak] tadi, mak dia,

anak lelaki tak tahu ni jadi supaya dia nak buli budak tu dia main perasaan budak tu sampai budak tu betul-betul *fall in love* [dilamun cinta] pastu dia pon, dia buat macam tu dia tak sangkalah budak tu sampai mati jadi masa tu nak ambil tindakan kepada siapa undang-undang *tak ada* [tiada] macam tu so yang dia orang buat undang-undang "*Akta Megan Mayor*" berkaitan dengan buli siber. Kiranya lepas akta tu ditubuhkan, adakah lelaki itu-- *tak* [tidak] sebab dia tak boleh kebelakang. Jadi saya tak tahu masa tu saya tak ingat tapi kes tu bawa ke mahkamah tapi dia tidak di, mak dia bukan anaknya, anaknya mengadu dengan mak, anak mak kan jadi mak ni terasa hati anak ni sentaplah anak dia kena kan macam tu, tak dapat rasa dia lepas tapi lepas tu dia tak mahulah ni jadi akan datang kerana dikaitakan dengan undang-undang. So, dekat Malaysia kita tidak ada undang-undang buli siber yang khusus tetapi kita boleh guna di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (bunyi gangguan) dan juga kita boleh juga guna Akta kod harassment, gangguan dan sebagainya.

**ZZ** : Seterusnya, kita akan ke slot Prof sebagai pensyarah. Sebelum Prof menceburi bidang pendidikan, adakah Prof pernah menjadi seorang peguam memandangkan Prof merupakan seorang graduan undang-undang?

NAM : *Tak* [tidak]. Tak pernah buat macam tu lagi setakat ni.

**ZZ** : Kenapa Prof pilih bidang perundangan sebagai kerjaya Prof?

NAM : Sebenarnya bukan bidang perundangan sebab saya ambil subjek undang-undang kan jadi saya memang mungkin darah guru mengalir dalam diri. Masa saya tahun *dua* [2] saya dah cakap saya tak mahu jadi *lawyer* [peguam] saya

nak jadi pensyarah. So saya pun telah dimaklumkan kepada fakulti masa tu fakulti pun nak mengambil saya tapi ada masalah *sikit* [sedikit]. Jadi saya buat *chambering* [latihan dalam kamar] dulu, kemudian mereka *call* [menghubungi] datang untuk di *interview* [temuduga] sebagai tutor lah jadi tu yang saya teruskan saya punya karier kat situ. Ya, okay.

**ZZ : Kami juga dapati bahawa Prof telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Undang-Undang UKM. Bolehkah tak kami tahu serba sedikit apakah jawatan tersebut dan bagaimana Prof terpilih?**

NAM : Okey, Dekan Fakulti Undang-Undang merupakan ketua kepada atau ketua jabatan kepada Fakulti Undang-Undang. Jadi, kita ni maknanya ketua ni kena memimpinlah (bunyi gangguan) memimpin fakulti ya ke arah yang sepatut kita bawalah. Jadi, bila macam tu saya pun sebenarnya saya dia lantikan dekan itu melalui *nomination* [pencalonan] mengundi itu kita punya staf undilah agaknya kebetulan saya punya undian tu tinggi tapi saya di panggil *interview* [temuduga], kemudian dia minta saya isilah borang apa benda entah saya kata saya tak mahu isi borang sebab saya tak minta jawatan ni, *you all* [awak semua] yang *nominate* [mencalonkan] saya panggil saya jadi saya tak mintak, saya tak nak jawatan ni saya kata macam sombong pula kan saya hantar surat, kata saya tak berminat saya kata minta maaf dan saya rasa ada lagi calon lain memang ada lagi dua calon lepas saya. So, saya kata dengan dia tapi kemudiannya timbalan nak check, Naib Canselor *call* [hubungi] saya, kata Prof *tak nak* [tidak mahu] datang *interview* [temuduga] ke, tak nak kenal Naib Canselor ke masa tu Naib Canselor baru dilantik, pastu saya sombong pula kan saya okaylah tak apa saya pergi saya kata tapi saya pergi tu kerana saya tak mahu sombonglah saya pergi tu, dia ceritalah sebelum tu saya merupakan Timbalan Pengarah Inovasi di UKM, lepas tu cerita pasal kata saya tak berminat dengan jawatan ni saya cakap dengan interview saya rasa tak pernah lagi orang cakap interview tak berminat saya tak nak saya kata saya pun

mempromosikan *candidate* [calon] yang lain, kemudian saya kata saya boleh bagi sumbangan cara lainlah tapi berlaku hari Jumaat, Isnin, Selasa dia orang *call* [ hubungi] kata Prof sebab sebelum tu saya letak jawatan inovasi kan ada sebab tertentu, terus saya kata saya nak buat *research* [penyelidikan], nak mengajar kemudian mereka kata Prof mana surat peletakkan jawatan, saya kata saya dah bagi you all, hilang Prof, tak apalah [tidak mengapalah] saya *sign* [tandatangan] baru saya bagi, Prof ada satu lagi surat. Surat apa? Surat pelantikan Prof sebagai dekan. (sambil ketawa) “*Lah*”, saya tengah bawak kereta tau tengah *on speaker* [buka pembesar suara]. Lah, kenapa dia orang lantik, saya dah cakap dah tak nak lantik, saya dah cakap dah saya tak nak jadi dekan pastu gelak. Orang tu gelak. Dia ketawalah, Okayla. saya dah runsing, Apa nak buat ni nak jadi dekan ni nak buat apa saya tak pernah fikir saya nak jadi dekan sepanjang-panjang saya tak pernah saya nak jadi pensyarah je, kan saya kata saya tak ada strategi apa lepas tu tak apalah bila dia kata saya, saya pernah jadi Timbalan Dekan, itu pun tolak juga tapi tak apalah tak ada orang kita bantulah jadi timbalan kita ketua so kita kena membawa waktu covid “*aduh*” (bunyi mengeluh). Memang saya itu yang pengalaman manis dan pahit, pahit kena jadi manislah bagi saya kan saya memang kita sambunglah kat bilik saya. Okay.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN TOKOH

**NBH** : *Okay* [Baiklah] prof, sekarang kita akan beralih kepada skop pencapaian dan sumbangan tokoh. Seterusnya, kami difahamkan bahawa Prof telah memenangi pelbagai anugerah dari pihak *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. Boleh Prof ceritakan sedikit tentang anugerah tersebut? Anugerah yang prof peroleh?

**NAM** : *Okay* [Baiklah] alhamdulillah, yelah memang bila kita bekerja tu kerana tu tugas kita, amanah kita mungkin bila kita bekerja tu secara tak langsung, tempat bekerja, organisasi kita pun bagus, dia mengenang budi supaya menjadi motivasi kepada pekerja-pekerja dan mereka telah mencipta beberapa anugerahlah ya yang biasanya anugerah yang biasa kita tahu ialah Anugerah Pencapaian Cemerlang, APC. Itu saya telah perolehi pada tahun *dua ribu sebelas* [2011] dan *dua ribu lima belas* [2015] dan sebelum itu saya juga mendapat anjakan gaji. Kan dulu-dulu sebelum ada kita panggil skim baru, mereka ada beri anjakan gaji. Anjakan gaji saya terus tak ikut yang biasa, dia ke sini (sambil mencodongkan tangan) maknanya *instead of* [sebalik] satu tangga, dia jadi tiga anak tangga dan sebagainya. Jadi saya masa tu walaupun saya masih pensyarah kanan tetapi kerana saya ada anjakan gaji pada zaman masa kita punya perdana menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, masa tu dia ada skim macam tu lah. Jadi gaji saya lagi tinggi daripada professor madya sebab kita terus menyenget begitu (sambil mencondongkan tangan). Jadi satu naik mungkin *seratus ringgit* [RM100]. Kalau macam ni (sambil menggerakkan tangan) naik *lima ratus ringgit* [RM500]. Contohnya ya. Itu sekali saya dapat anjakan. Sebenarnya, saya dapat *dua* [2] kali tapi dek kerana masa dapat anjakan dua kali tu kerajaan mansuhkan jadi lepastu jadi kita tak \_ \_ \_ \_ \_ tapi saya ada APC, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang selama dua [2] kali, *dua ribu sebelas* [2011] dan *dua ribu lima belas* [2015]. Selain daripada itu, saya juga alhamdulillah, sebab kita universiti penyelidikan, macam yaang saya kata tadilah, kita jalankahnlah tuga kita,



amanah kita buat penyelidikan seperti organisasi kita minta tetapi secara tidak langsung ia juga mungkin untuk macam yang saya katakan tadilah nak memberi kita semangat. Saya telah mendapat Anugerah Cemerlang dalam kategori Sains Sosial , kategori professor berkaitan dengan dana , penerimaan dana penyelidikan dan juga ada kategori tu. Nanti saya akan bagilah dia punya kategori tu, inshallah dan juga saya memperolehnya untuk tahun *dua ribu sembilan belas* [2019] *dua ribu dua puluh* [2020] macamtu ataupun *dua ribu dua puluh* [2020] *dua ribu dua puluh satu* [2021] saya tak pasti. Sebab dia bagi macam ni. Dia *complete* [selesaikan] *dua ribu dua puluh* [2020] dia bagi pada tahun selepasnyalah. Selain daripada itu juga, sebelum tu saya pernah dapat mendapat pensyarah muda cemerlang kemudian, anugerah daripada penyelidikan, penerbitan daripada fakulti kemudiannya baru-baru ni saya juga mendapat tokoh akademik wanita di peringkat Universiti Kebangsaan Malaysia, mungkin boleh diperolehi dalam dia punya buku dia tapi ada dekat *office* [pejabat]. Kita dapatlah Tokoh Wanita Cemerlang. Majlis Anugerah ada dibuat di Universiti Kebangsaan Malaysia, mereka buat di dewan cancellor Abdul Razak. Sekali tu dia buat secara *online* [atas talian] sebab Covid, satu tu dibuat secara *offline* [bersemuka] pada tahun *dua ribu dua puluh dua* [2022]. Mungkin saya dapat tahun *dua ribu dua puluh* [2020] dan *dua ribu dua puluh satu* [2021] rasanya. MyRA, Anugerah Pendanaan, Anugerah Penerbitan, Anugerah Keseluruhan tulah. Bagaimana saya peroleh tu sebabnya ada kategori maknanya kita punya pusat RMC, Research Management Center, *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] melihat markah kitalah dalam kita ada sistem dekat *UKM* [Univerisiti Kebangsaan Malaysia], daripada situ dia ada memang tidak ada sistem kroni ke apalah (gelak). Dia tengok dan banding dengan beberapa jawatankuasa *so* [jadi] alhamdulillah. Sebenarnya tak pernah pun berniat untuk bekerja tu untuk dapat anugerah tapi kalau diberi anugerah tu kita bersyukurlah semangat kita untuk buat lebih baiklah. Sumbangan tadi itulah yang saya kata terus menerbit, terus mencari dana penyelidikan, beratus ribu jugalah dapatlah kalau kiraan semua jutalah malah baru baru ni inshallah saya akan

mendapatkan dalam *dua ratus ribu* [200 000] lagi dana baru untuk tahun depan. Jadi Tokoh Akademia tu macam saya kata tadilah, majlis itu diadakan di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] juga dan kita rasa bersyukur, tidak rasa berbangsa tetapi rasa bersyukur sebab tanpa kita sedari pun ada yang menghargai. Kita manusia ini kita muda ke tua ke *baby* [bayi] ke mesti orang rasa nak dihargai bila kita buat kita rasa dihargailah. Kriteria Tokoh Akademia Wanita (sambil tengok soalan) tu pun macam yang lain juga. Mereka melihat sumbangan kepada industri, kepada penerbitan selain daripada pengajaran yang biasa akademik, mereka juga melihat penglibatan dengan industri, penglibatan dengan komuniti, penglibatan dengan hak antarabangsa sebab dalam masa yang sama saya juga merupakan seorang mediator selain daripada tribunal tadi. Maknanya itu cara saya berkhidmat menyumbangkan perkhidmatan saya kepada pihak industri dan pihak luar lah. *Okay* [Baiklah] apa lagi?

**NBH** : **Bolehkan kami tahu apakah reaksi keluarga/rakan-rakan/masyarakat semasa pelantikan Prof sebagai Tokoh Akademia Wanita UKM?**

**NAM** : Mereka tahu tu mungkin saya *share* [sebarkan] dalam Facebook masatu (sambil gelak kecil). Tapi ada ramai yang dapat, ada yang beberapa yang dapat tu dia *share* [sebarkan] dan mereka tahu juga saya dapat dan mereka mengucapkan tahniahlah kan jadi kita pun apa orang kata, menumpang gembira dan menumpang bangga

**ZZ** : **Selain daripada anugerah tersebut, kami juga dapati bahawa Prof juga telah menerima lima [5] Anugerah Khidmat Kualiti Fakulti Undang-Undang. Boleh Prof ceritakan apakah anugerah tersebut?**

NAM : (bunyi gangguan) Okay, antara anugerahnya ialah Anugerah Penerbitan, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Pendanaan, dan saya membantu juga dari segi penjanaan pendapatan. Kalau tak silap saya lagi, satu adalah anugerah ada lima semuanya, alumni ke kalau tak silap saya lah tapi nanti kita boleh dapatkan nama dengan lebih dekat dan pemberian walaupun daripada Fakulti Undang-Undang, tetapi dia melalui proses yang saya rasa proses yang adil lah bukan kerana kita masa tu, masa tu saya Dekan tapi memang penjanaan itu saya banyak perolehi daripada apa, pihak-pihak yang berkaitanlah pergi dapatkan bantuan kewangan masa tu *covid* dan juga banyak juga ada juga beberapa orang yang lainlah tapi saya salah seorang yang menyumbanglah.

**ZZ : Selain daripada itu, kami juga dapati bahwa Prof juga telah menerbitkan beberapa jurnal seperti Jurnal Penyelidikan Berimpak, Keterlibatan Industri dan lain-lain. Adakah jurnal tersebut memfokuskan kepada undang-undang. Boleh Prof ceritakan sedikit.**

NAM : Okay, kebanyakannya undang-undang, saya sebenarnya suka menerbit jurnal di sama ada penerbitan secara buku ataupun secara artikel jurnal kepada Penerbit Undang-Undang. Ya, walaubagaimanapun kerana keperluan universiti sebab kita universiti kita adalah universiti penyelidikan dan dikategorikan kepada universiti penyelidikan itu berdasarkan kepada ciri-ciri tertentu antaranya adalah penerbitan. dan penerbitan itulah perlulah kepada penerbitan yang berimpak tinggi. Jadi, bila penerbitan berimpak tinggi tu kita kena terbitlah tempat yang kadang-kadang bukan undang-undang pun ya, “Q1” lah “Q2” lah, “Scopus” lah apa *WOS* [Web of Science] dan sebagainya kan jadi saya biasanya menerbit dengan pelajar sekalilah ataupun dengan rakan-rakan dalam sama kumpulan penyelidikan dan jurnal itu bergantung kepada kebanyakannya topik penyelidikan tersebut. Kalau penyelisikan itu berkaitan dengan *covid* kita tapi *covid* ada undang-undang tapi kita terbitkan di apa nama tu jurnal yang berkaitan dengan kesihatan contohnya. Tapi

bukanlah undang-undang yang apa *purely* [semata-mata] undang-undang bukan ya dan penulisan tu seperti yang saya kata tadilah naikannya bersama dengan rakan-rakan dan juga pelajar sebab pelajar pula memerlukan penulisan itu bersama dengan pensyarahnya untuk tujuan bergraduasi sebab itu antara modus operandi apa pelajar dan pensyarah di universiti penyelidikanlah. Ya, kita nak kena memperkasakan bukan sahaja sesama kita tetapi juga kepada pelajar. Kos agak mahal lah kalau kira semua kadang sampai *sepuluh ribu ringgit* [RM10,000]. Kiranya satu jurnal tu? Ya kadang-kadang kita lepas kita menulis tu kita perlu menghantar kepada proofreading kemudiannya kita itu pun dah berapa ribu. Kadang-kadang kita hantar dan kemudiannya kita akan bayar kepada jurnal, itu memang hakikatnya nak tak saya sebenarnya kurang bersetuju tetapi kita berada dalam satu organisasi yang mensyaratkan begitu kalau kita nak duduk dalam organisasi tu kita kena patuhlah kalau kita tak nak kita keluarlah kan. Tetapi bila saya masih lagi di universiti ini yang mensyaratkan itu suka tak suka ke tepi, tanggungjawab kita kena buat walaupun rasa membazir *sepuluh ribu* [RM10,000] bukan duit kitalah duit *research* [penyelidikan] lah tapi kita kena patuhlah.

**ZZ : Semasa menerbitkan jurnal ada tak terdapat beberapa masalah?**

NAM : Ya, banyak sangat masalahnya antaranya semasa nak menerbit jurnal tu kita nak dapatkan data kadang-kadang kita nak *interview* [temuduga], nak *survey* [tinjauan], keadaan Kementerian yang tak mahu bekerjasama sedangkan akhirnya hasil kajian tu untuk mereka juga. Tetapi ada yang tak bekerjasama ada juga yang yalah maklumat masa *covid* susah nak dapat terpaksa *extend* [tanggung], pelajar-pelajar PhD., saya la kan. Itu antaranya dan yang lainnya ialah bila kita hantar jurnal tu, walaupun dia mensyaratkan kita membayar, tetapi dia punya syarat menerbit tu sangat *strict* [ketat] tak boleh salah sana lepas tu nak ikut kepala *reviewer* [pengulas] tu. Itu antara saya rasa kadang-

kadang tak setuju juga tapi kalau tak setuju kan dia tak terbit kan dia pun manusia juga buat salah juga kita cara kita lain kan tapi mereka nak juga jadi saya ikut jugalah itu antara, kadang kita nak hantar pulang balik dah janji nak terbit *tak nak* [tidak mahu] terbit, *lepas tu* [selepas itu] dah simpan kita punya jurnal *tak* [tidak] terbit-terbit bertahun-tahun tu yang menyebabkan kadang rasa putus asa tapi hidup perlu diteruskan dan di buat jugalah kan.

**ZZ : Boleh kami tahu apa tujuan jurnal ini diterbitkan?**

NAM : Itulah seperti saya kata tadi pertama adalah kerana kita merupakan salah kita okey jurnal ni ada bukan jurnal sajarah ya penerbitan ada penerbitan yang bentuk buku, bab dalam buku yang saya rasa saya lebih suka penulisannya kerana cara penerbitannya lebih bebas. Kita boleh asal kan kita terbit dengan apa nama penerbit tersohor contohnya Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun penerbit universiti, penerbit *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], penerbit *UM* [Universiti Malaya] dan sebagainya kan. Itu lebih saya suka sebab apa dia mengikut proses tertentu bukan mudah pun, tetapi lebih jelas berbanding dengan jurnal ni terutama daripada luar negara ni kita kadang-kadang *tak* [tidak] boleh nak jangka apa dia nak kita kata kita jawab macam ni tak puas hati jadi ulang-ulang alik lah. (bunyi gangguan) *Tapi* [tetapi] apa tadi soalan tadi ialah tujuan jurnal itu selain daripada untuk membantu berkongsi maklumat, berkongsi kepakaran melalui penulisan perlibatan tadi adalah sebagai *Research University* [universiti penyelidikan] kita perlu memenuhi *KPI* [Key Performance Indicators] untuk kita kekal dalam *Research University* sebab bila *lima* [5] universiti yang berada dalam *Research University* ataupun *Universiti Penyelidikan* ini mereka mempunyai bajet lain daripada universiti yang macam *UiTM*, universiti pengajaran kan kita lain dia punya bajet tapi bebannya agak besar jugalah kan itu antara satu. Kemudian kita nak menentukan kita berada dalam *ranking* [kedudukan] *UKM*

adalah *seratus lima puluh sembilan* [159] universiti terbaik dunia, kita ada *dua puluh enam ribu* [26,000] universiti yang di audit. Kita *seratus lima puluh sembilan* [159] hebatlah UKM banyak juga universiti di luar negara di negara barat pun bawah daripada UKM, maknanya UKM ini banyak menghasilkan penerbitan dan juga hasil pendidikan yang baik, inovasi yang baik. Cumanya kadang-kadang itulah terbeban sebab sebagai pensyarah, pensyarah ni memang kalau siapa-siapa nak jadi pensyarah kena berjiwa kental lah sekarang ni kan tu itu antaranalah untuk memastikan kita berada dalam *ranking* [kedudukan] yang terbaik dunia.

**ZZ : Kami juga mendapat maklumat bahawa Prof telah menerima Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS). Bolehkah Prof terangkan kepada kami apakah geran tersebut?**

NAM : Okay, FRGS [Fundamental Research Grant Scheme] ini adalah geran yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan saya dah dapat ini kali kedua sebagai ketua dan sebagai ahli tu dah banyak kali lah, tetapi ini sebenarnya bergantung kepada tajuk kajian yang kita *nak* [ingin] buat yang sekarang ni saya masih ada FRGS saya adalah berkaitan dengan *big* [besar] data dan perlindungan data peribadi terutamanya untuk data pesakit. Kan data pesakit kita simpan bila saya pakai jam kita ada data, *health data* [maklumat kesihatan] ataupun data bila kita jumpa hospital kita bagi-bagi data pesakit kita semua itulah data sensitif di bawah Undang-Undang Akta Perlindungan Data Peribadi. Kita nak pastikan ada satu garis panduan untuk memastikan siapa yang menguruskan data-data tersebut, dia mengikut peraturan ataupun *SOP-SOP* [Standard Operating Procedure] tertentu itulah nanti hasil daripada kajian tersebut lah.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: HARAPAN TOKOH

**NBH : So [jadi] kita akan beralih kepada yang terakhir iaitu harapan tokoh. Apa harapan prof terhadap UKM dalam memperkukuhkan lagi kurikulum dan akademik dalam bidang undang-undang?**

**NAM :** Sebab *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] adalah - - -. Walau kita tengok visi dan misi dia kan, maksudnya fakulti undang-undang terkehadapan dalam bidannya. Itu antara dia punya visi lah. Maknanya kalau kita dapat berkata begitu dalam visi dan misi kita maka kita kena pastikan tindakan kita ekoran daripada visi misi kita, tindakan kita perlu selaras. Jadi kita kena pastikan, pertama pengajian ataupun kurikulum yang kita perkenalkan ataupun sedang laksanakan sesuai dengan kehendak MQA pertamalah. Peraturan kan. Yang kedua ialah kita perlu mengikut kehendak industri, kita tidak boleh syok sendiri. Jangan nk buat *buh* [letak] nama itu nama ini kita syok sendiri so kita keluar tak tahu *pape* [apa-apa]. Pelajar perlu dilengkapi bukan saja dengan ilmu asas undang-undang, sebab kita ada dua ilmulah , substantif dan ilmu prosedural tetapi juga mereka perlu menjadi pelajar yang terkehadapan dari segi contoh sekarang, kita memerlukan ilmu pengetahuan yang lebih dari segi digital, dari segi apa nama tu penggunaan sistem sebagainya. Walaupun dia orang undang-undang dia sepatutnya melengkapi diri dia dengan kemahiran segi itu juga dan kemudian kita perlu ada kemahiran komunikasi yang baik sebab bila bekerja, komunikasi berdisiplin, itu semua kalau nak menjadi *lawyer* [peguam], kena macam mana dia nk bertindak sebagai seorang peguam yang bijaksana, berkaliber. Memang kita ada ajar teori dan sedikit praktikal tetapi mereka perlu belajar lebih lagi mesti rajin. Maksudnya kita mengajar tetapi macam Aisyah dengan Zarin, *empat* [4] tahun belajar tak cukup semuanya takkan cukup, ada benda yang kena belajar sendiri tapi asasnya akan diberi. So [jadi] bagi saya adalah perlu satu kurikulum yang terkehadapan. Contohnya sekarang sibuk pasal *AI* [kecerdasan buatan] jadi kita kena juga

menyerapkan. Dulu teknologi maklumat, sekarang tak dah teknologi maklumat, *AI* [kecerdasan buatan] macam mana, *fintech* [kewangan dan teknologi] dalam kita ada undang-undang perbankan, undang-undang kewangan, perlu diletakkan dan diserapkan juga isu berkaitan dengan *finacial technology* [teknologi kewangan] macam sekarang *e-wallet* [e-dompet] lah, segala sistem dalam itulah bukan dalam bank tidak ada *governance* [tadbir urus] dia kan jadi benda-benda macam tu kena belajarlah, kena tahu, kena perkenalkan kepada pelajar. Macam saya *takpe* [tidak apa], saya mengajar undang-undang siber dan teknologi maklumat, saya sering serapkan. Contohnya ada isu berkaitan dengan apa *distruptive technology* [teknologi yang mengganggu], apa *distruptive technology* [teknologi yang mengganggu] memberi kesan kepada undang-undang sedia ada. Contohnya *AI* [kecerdasan buatan], *big data* [data yang penting], contohnya *IoT* [perkara internet] apa semua tu memberi kesan kepada undang-undang sedia apa. Itu yang menjadi apa nama tu - - -. Jadi itulah yang saya rasa perlu diserap, diterapkan kepada kekurikulum dan pengajaran kitalah.

**NBH : Apakah harapan prof terhadap inisiatif dan program pembangunan kerjaya yang disediakan oleh UKM bagi mahasiswa undang-undang?**

**NAM :** Saya rasa yang ini ada dibuat oleh peringkat universiti dan diperingkat fakulti. Semasa menjadi dekan dulu, saya meminta timbalan dekan untuk mengadakan program khusus untuk pembangunan kerjaya daripada tahun *satu* [1] sehingga tahun *empat* [4]. Makanya sehingga tahun empat [4] dia dapat membentuk satu *CV* [pengalaman hidup ] yang bagus. Maknanya dia akan kumpullah dia tahulah apa yang dia perlu ada dalam *CV* [pengalaman hidup] dia kan. Kita panggil penceramah dan sebagainya untuk bantulah itu antaranya tetapi kita juga ada panggil alumni kita yang dah berjaya untuk memberi ceramah motivasi kemudian kita membawa pelajar-pelajar kita kita



melawat di tempat-tempat yang mana mungkin satu hari mereka akan bekerja di situ supaya \_\_\_\_\_ di Mahkamah sebagainya. Itu secara tak langsung juga bagi saya satu program pembangunan kerjaya dan juga kita di universiti dan fakulti khususnya juga membuat pertalian yang rapat. Pertalian yang rapat dengan alumni-alumni yang berada dalam industri supaya bila keluar pelajar-pelajar kita bakal menjadi pekerja mereka dan juga kita sangat agak rapat juga dengan pejabat peguam negara, mahkamah persekutuan di Putrajaya, ada macam *intern* [pelajar latihan industri] kita hantar ke sana dan sebab kita banyak alumni di sana. Jadi mana-mana pelajar yang bagus mereka ambil sebagai kakitangan kontrak dulu sebelum diserap untuk melihat untuk menilai sejauh mana mereka boleh diterima sebagai pegawai yang tetap tapi bagi saya paling penting sekali saya rasa soalan berkaitan dengan mahasiswalah yang itu banyak kita bincang dalam mesyuarat fakulti bahawa kita boleh bantu pelajar dalam itulah macam gurulah kita nak membentuk sahshiah anak-anak, sahshiah pelajar, kita tegur, kita ada juga program-program macam bagi orang Islam kita ada program-program agama, bagi ceramah agama, yang bukan Islam juga kita ada juga program lain seperti motivasi dan sebagainya, mengingatkan pelajar apa yang perlu mereka ada dalam hidup dia oranglah. Bukan saja sebagai pelajar tapi sebagai manusia. Saya percaya ada beberapa pensyarah juga termasuk saya yang ada hubungan rapat dengan pelajar-pelajar, kita pun memberi pendapat, kita ada mentor mentee punya sistem, kita pun memberi secara orang kata memberi secara orang kata secara *personal* [peribadi] sebab kita ada mentor mentee. Bila kita jumpa mentee kita walaupun kita sibuk, saya pun kadang-kadang tak sempat. Mentee tak sempat jumpa saya, saya pun tak sempat jumpa mentee tapi kita cuba cari masa supaya kita boleh sampaikan pesanan seorang guru. Walaupun mungkin dia tak ingat sekarang tapi lama-lama nanti dia mungkin terfikir juga bahawa ada kadang-kadang anak muda ni tak rasa ada masalah, masuk telinga kanan kiri tapi yang ada masalah dia masuk dia fikir, oh ni pesanan dia sebab ada. Saya rasa orang yang cerdik adalah orang yang sentiasa ingin mendengar nasihat dan apabila kita dengar nasihat tu kita menyelamatkan diri kita daripada terjerumus pada

perkara yang kita - - kalau kita tak dengar nasihat tu kita akan terjerumus. Jadi kita kena hati-hati lah ye. Sahsiah mahasiswa tu yang terutama masalah digital dalam ruang lingkup sekarang orang semua melihat kepada duit. Kadang-kadang sanggup buat apa saja demi duit. Jadi kita takut juga pelajar-pelajar kita tu nak jadi *influencer* [pempengaruh] ke nak jadi orang popular [terkenal] dalam media sosial menyebabkan mereka tersasar.

**ZZ : Seterusnya, adakah terdapat harapan tertentu Prof yang masih belum lihat tercapai dalam bidang undang-undang sama ada dalam konteks akademik, professional atau sosial?**

NAM : Okey kalau dalam bidang undang-undang sebab undang-undang ni adalah satu bidang yang bergerak, dia tak *stagment* [tetap] ya, jadi memang akan ada keperluan-keperluan dari masa ke semasa ya sebab undang-undang bergerak bersama masyarakat. Kita jarang ada undang-undang dulu baru ada biasanya kita macam masyarakat berkembang, teknologi berkembang baru ada undang-undang teknologi, masyarakat berkembang kepada perbankan baru kita ada undang-undangan perbankan baru. Kiranya undang-undang ni bergerak seiring dengan perkembangan masyarakat. Jadi, maknanya kalau tanya saya ada tak lagi harapan tentulah sentiasa ada je ya tetapi yang paling harapan saya yang paling besar adalah satu kepada pelajar undang-undang dan juga ahli akademik undang-undang ya (bunyi gangguan) iaitu mereka bagi saya sebaik mungkin ya kita bagi sayalah kalau nak sebut tu *cliché* [biasa] lah tapi bagi saya jujur dalam akademik buat yang terbaik semampu mungkin ya untuk jadi yang terbaik dalam bidang kita lah tetapi bagi pihak di luar pula, undang-undang yang mengamalkan undang-undang ya terutamanya kerajaan bagi saya penguatkuasaan undang-undang itu sangat perlu. Jangan ada undang-undang je kita tak ada kuatkuasa contohnya kan kita ada undang-undang kata tak boleh merokok di tempat awam, orang merokok je sebab tak ada penguatkuasaan. Jadi bagi saya nak jadi negara yang maju penguatkuasaan tu

sangat penting sebab bila seorang individu atau rakyat itu tidak boleh mendisiplinkan diri sendiri maka kita perlu pegawai penguatkuasa untuk mendisiplinkan mereka. Jadi, *nak tak nak* [mahu ataupun tidak] perlu ada usaha dalam melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang sebab tak ada penguatkuasaan *tak* [tidak] guna undang-undang.

**NBH : Bolehkan saya mencelah, Prof kata kita harus melakukan penguatkuasaan secara berterusanlah so bagaimana dengan orang kata *bias* [berat sebelah] antara dengan orang yang ada nama dengan rakyat biasa?**

**NAM :** Itu satu lagilah ya keadaan bukan saja di Malaysia lah, tapi kita duduk Malaysia kita nampaklah kat Malaysia kan ada orang mencuri susu kena penjara dua [2] tiga [3] bulan, setahun ada orang mencuri berbilion-bilion terlepas ataupun mungkin dipenjarakan *sikit* [sedikit] *tak* [tidak] sesuai dengan dia punya tu. Kalau tanya saya memang tak adil lah tapi sebenarnya hidup ni bukanlah adil, keadilan takkan ada sini keadilan saya rasa bila kita dah mati sebab tu ada “syurga”, “neraka” kan kita orang Islam kan. Jadi memang saya tak setuju sebab tapi saya tahu itulah politik di mana-mana kalau negara yang berpolitik, kalau politik itu tidak jujur dia akan menuju ke arah itu. Saya *tak* [tidak] sebut mana-mana politik ya tetapi bila politik, politik tu baik sebenarnya, kita perlukan politik, kita perlukan sosial ekonomi dan politik untuk kestabilan negara, (bunyi gangguan) Tetapi semua ni ekonomi, sosial, politik perlu dijalankan secara amanah, secara jujur, secara berhemah maknanya barulah semua, sebabtu Indeks Kebahagiaan (happiness) kita kat Malaysia tak [tidak] tinggi. Cuba tengok Indeks *Happiness* [kebahagiaan] di contohnya negara bukan Islam di Norway contoh di Finland contohnya kan tinggi sebabnya mereka rasa semuanya dibuat secara telus. Kalau tak baik pun dia orang tahu kenapa kalau bagus pun dia tapi kebanyakannya dia bagus sebab tu *tak ada* [tiada] orang masuk penjara pun kurang orang masuk penjara.

Satu tempat tu dekat Leichnstein, L-E-I-C-H-N-S-T-E-I-N di Switzerland ke Sweden ke negara itu *tak ada* [tiada] penjara, ada penjara pun kalau lebih daripada *dua* [2] tahun mereka akan pindahkan banduan tu ke Austria. Sebab dia tak ada yang banduan tak ada dah apa-apa sejak *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] ke mereka tak ada pembunuhan langsung so selamat. Jadi, maknanya saya rasa kalau selalu tengok indeks *GDP* [Gross Domestic Product] lah apalah kan indeks apa tu negara kasar, pendapatan negara kasar dan sebagainya tetapi Indeks *Happiness* [kebahagiaan] itu sangat penting bagi saya. Kalau kita *happy* [gembira] benda-benda lain akan datang.(bunyi gangguan). Kan. Itu yang sebenarnya paling penting yang tak ada sebab apa kita rasa kita tak dilayan secara adil.

**ZZ : Soalan akhir kita pada hari ini, bagaimana Prof berharap UKM khususnya Fakulti Undang-Undang dapat memberikan kesan positif kepada komuniti dan masyarakat secara keseluruhannya.**

NAM : Saya rasa yang pertama bermula dengan peranan fakulti sendiri. (bunyi gangguan) Peranan fakulti adalah untuk mengeluarkan pelajar apa pelajar undang-undang. Pelajar undang-undang ni apa? Pelajar undang-undang yang bukan saja dilengkapi dengan ilmu saya kata tadi kan ilmu asas, ilmu prosedurnya dan sebagainya mereka juga memenuhi kemahiran-kemahiran yang lain dan juga yang paling penting sahsiah yang baik ya. Untuk itulah kalau kita bukan saja *nak* [mahu] kejar berjaya dari segi apa yang orang *materialistik* [mengejar kebendaan] kata benda tu berjaya banyak duit pakai kereta mahal sebab tu bila orang tunjuk dia berjaya dekat *IG* [Instagram] kat sosial media semua kayalah cantiklah, bahagialah anak lawa lah apa semua itu bukan bahagia. Bagi saya kita bahagia tak [tidak] boleh tunjuk kat orang, Betul. Kan. Saya rasa orang yang *tak* [tidak] bahagia tu boleh tunjuk *unless* [melainkan] *you* [awak] nak sesekali tunjuk aktiviti dengan kawan tapi kalau *all the time* [setiap masa] dia nak tunjuk macam saya runsing tengok orang

yang hari-hari nak ikut kan kalau sesekali tu lainlah kita nak dia orang kahwin kita *share* [kongsi] nak pergi jumpa *silaturahim* dan sebagainya kan. Tapi kalau, jadi bagi saya ialah itu maksudnya universiti fakulti perlu pertama dengan itu makna memenuhi hasrat dia menghasilkan pelajaran yang bagus dan ke hadapan dalam bidangnya dan sebagainya. Bagi saya, untuk mencapai atau mengekalkan capaian itu *tak* [tidak] boleh sekali dah capai dah, tahun depan kita capai lagi tak dia tak macam tu. Dia akan kita sentiasa akan kena berubah dinamik kena berubah untuk mengikut sebab pelajar tahun ni macam ni pelajar tahun ni macam ni pelajar tahun ni macam dulu Fakulti Undang-Undang *sebelas* [11] tahun berturut-turut pelajar kita mendapat Anugerah Diraja. *sebelas* [11] tahun berturut. Kiranya Fakulti Undang-Undang sahaja lah. Semua, semua mendapat sebab apa dia orang banyak pergi ke *International* [Antarabangsa] semua, bukan dari *first class* [kelas pertama] *dorang* [mereka] ada terlibat industri komuniti di masyarakat antarabangsa dan masyarakat tempatan. Tapi dah beberapa tahun ni rasa sejak saya dekan dua [2] kali dapat, terakhir tu tak dapat *dua* [2] kali. Masa saya dekan *tiga* [3] tahun, *dua* [2] tahun dapat jadi setahun tu sampai sekarang tak dapat dah kita dapat anugerah yang sampingan sahaja lah sebab tu saya kata dinamik bila kita tak berhati-hati pelajar kita dah mula. Pelajar lain dah mula tinggi jadi kita kena betul-betul sentiasa berubah kan okey. Itu sahaja. *Alhamdulillah*. Terima kasih Prof.

Penutup:

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Prof Dr Nazura Binti Abdul Manap di sepanjang perkhidmatan sebagai tokoh akademik perundangan dari 1 Ogos 1994 sehingga kini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Ini adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang perundangan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## RUJUKAN

- Ong, W.J. 1982. *Orality and Literacy: The Technologizing of the Word*. London: Methuen
- Prof. Dr. Nazura Abdul Manap – Faculty of Law. (2023). *Www.ukm.my*.  
<https://www.ukm.my/fuu/expertise/prof-dr-nazura-abdul-manap/>
- Smith, A. (2020). "The Relevance of Oral Documentation in the Digital Age." *International Journal of Information Management*, 35(4), 789-802.
- Teeuw, A. 1994. *Indonesia Antara Kelisanan dan Keberaksaraan*. Jakarta: Pustaka Jaya, Cetakan I. Hlm. 1-43.
- Weli, M., & Abstrak. (n.d.). Weli Meinindartato 91. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(3), 91–98. Retrieved December 24, 2023, from [https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/IMAN\\_13\\_Sept\\_2013\\_-\\_09.pdf](https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/IMAN_13_Sept_2013_-_09.pdf)

# LAMPIRAN



## LOG WAWANCARA

Nurul Bahiyah Husna Hasnan dan Zarin Zalikha Mohd Zani menemubual Prof Dr Nazura Binti Abdul Manap yang dilahirkan pada 1969 di Segamat Johor. Temu bual ini dijalankan di Perpustakaan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor mengenai pengalaman beliau sebagai seorang yang pakar dalam bidang perundangan siber dan hak intelek dari tahun 1994 sehingga sekarang.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
2:32	Menerangkan berkaitan dengan hobi beliau	
8:14	Memperkenalkan ahli keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuan Haji Khairul Azhar bin Mohd Razi</li> <li>• Muhammad Aidil Hakimi bin Khairul Azhar</li> <li>• Aqilah binti Khairul Azhar</li>   <li>• Muhammad Aqil bin Khairul Azhar</li> <li>• Adnin binti Khairul Azhar</li> </ul>

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
13:32	Menerangkan tempat pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris, Tunku Abdul Rahman, Gemas</li> <li>• Sekolah Menengah Rendah, Negeri Sembilan</li> <li>• Sekolah Menengah Syeikh Haji Mohammad Said. Seremban</li> <li>• Matrikulasi Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia</li> </ul>
16:37	Mendapat biasiswa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Amanah Rakyat</li> <li>• Jabatan Perkhidmatan Awam</li> </ul>
18:21	Mendapat tawaran untuk bekerja dan menyambung pengajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti Kebangsaan Malaysia</li> <li>• Queen Mary Westfield College</li> </ul>
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL		
1:12:41	Menolong ibu berniaga secara kecil-kecilan	
1:14:01	Membantu anak untuk berniaga di sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aqilah Binti Khairul Azhar</li> </ul>

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA		
1:17:37	Menerangkan perundangan teknologi maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang siber</li> <li>• Undang-undang berkaitan dengan komputer</li> </ul>
1:18:06	Menerangkan bagaimana penguatkuasaan undang-undang dalam mengawal selia perkara berkaitan dengan siber	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Koridor Raya Multimedia 1996</li> <li>• Akta Jenayah Komputer 1997</li> <li>• Akta Tandatanganan Digital 1997</li> <li>• Akta Teleperubatan 1997</li> <li>• Akta Hak Cipta 1987</li> <li>• Akta Komunikasi dan Multimedia 1998</li> <li>• Akta Perdagangan Elektronik 2006</li> <li>• Akta Perlindungan Data Peribadi 2010</li> </ul>
1:21:20	Menerangkan peranan sebagai seorang konsultan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• World Intellectual Property Organization</li> <li>• National Intellectual Property Policy</li> <li>• Dasar Intelek Negara</li> <li>• MyIPO</li> <li>• Perbadanan arkib negara</li> </ul>

1:26:27	Membantu dalam menubuhkan akta	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Anti Berita Tidak Benar</li> </ul>
1:27:08	Dilantik sebagai Timbalan Pengerusi di Tribunal Hak Cipta Malaysia oleh Menteri Perdagangan Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Salahuddin Ayub</li> </ul>
1:29:26	Menerangkan kepentingan MyIPO	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbadanan harta intelek</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN TOKOH</b>		
1:52:47	Menyenaraikan anugerah yang di peroleh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Pencapaian Cemerlang (2011 &amp; 2015)</li> </ul>
1:53:06	Menerangkan anjakan gaji pada zaman perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perdana Menteri Malaysia Kelima</li> </ul>
1:54:30	Menerangkan anugerah yang diperoleh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Cemerlang kategori sains sosial</li> <li>• Pensyarah Muda Cemerlang</li> <li>• Anugerah Penyelidikan dan Penerbitan</li> <li>• Tokoh Akademi Wanita Cemerlang</li> <li>• Anugerah Pendanaan</li> <li>• Dewan Canselor Abdul Razak</li> </ul>

BAHAGIAN 6: HARAPAN TOKOH

2:11:00	Menerangkan harapan kepada pelajar dan kepentingan dari segi digital	<ul style="list-style-type: none"><li>• Artificial Intelligent</li><li>• Fintech</li><li>• Teknologi Kewangan</li></ul>
2:13:17	Menerangkan program kerjaya yang dilakukan oleh pihak fakulti dan universiti	<ul style="list-style-type: none"><li>• Universiti Kebangsaan Malaysia</li><li>• Pejabat Peguam Negara</li><li>• Mahkamah Persekutuan Putrajaya</li></ul>
2:14:30	Menerangkan cara meningkatkan sahsiah pelajar	

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 a.m	11/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Puan Nurulanissa memberi penerangan tentang subjek yang diambil pada semester ini “Oral History” dan Puan Nurulanissa membuat keputusan untuk memilih tema “Tokoh Artis Veteran” sebagai tugas projek kajian lisan kami pada semester ini.</li> <li>● Puan Nurulanissa menerangkan tentang projek kajian lisan ini dan meminta kami untuk membentuk kumpulan seramai dua orang dalam satu kumpulan, kemudian kami diminta untuk menjalankan beberapa kajian bagi memilih tokoh-tokoh yang bersesuaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kami mencatat segala maklumat penting berkaitan projek berkumpulan yang akan kami jalankan pada semester ini.</li> <li>● Kami juga akan memilih rakan sekumpulan seramai 2 orang serta memikirkan tentang tokoh yang ingin dipilih beserta tajuk yang bersesuaian.</li> </ul>

		dengan topik dan kriteria yang diberitahu oleh Puan Nurulanissa.	
1.30 p.m	12/10/2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Nurulanissa memaklumkan kepada kami tentang perubahan tema kajian lisan pada semester ini kepada “Tokoh Warisan Budaya dan Tokoh Kandungan Tempatan”.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami membuat kajian bagi mencari tokoh yang bersesuaian dengan tema yang diberi oleh Puan Nurulaniss.</li> </ul>
10.00 a.m	15/10/2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami membuat pencarian tentang “Tokoh Perundangan” di media sosial serta menggunakan laman sesawang “Google” bagi memudahkan urusan pencarian kami. Kami juga bertanya kepada rakan-rakan serta keluarga tentang tokoh yang bersesuaian dengan projek kami.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang dan membuat pilihan untuk memilih Prof Dr. Nazura Abdul Manap sebagai Tokoh Perundangan kerana beliau merupakan seorang yang arif tentang undang-undang di Malaysia terutamanya dalam bidang undang-undang siber.</li> </ul>

9.30 a.m	18/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah selesai kelas pada hari tersebut, kami bertanya kepada Puan Nurulanissa tentang tokoh yang dipilih oleh kami bagi mendapatkan persetujuan berkaitan tokoh tersebut sebagai tokoh bagi projek ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami mendapat persetujuan daripada Puan Nurulaniss untuk meneruskan dengan pemilihan tokoh kami iaitu Prof Dr Nazura Abdul Manap sebagai “Tokoh Perundangan”.</li> </ul>
12.00 p.m	23/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghubungi Prof Dr. Nazura Abdul Manap untuk bertanyakan tentang kesudian beliau untuk ditemubual oleh kami bagi menyiapkan tugas ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah dihubungi, kami telah mendapat persetujuan dari Prof Dr Nazura Abdul Manap bagi meneruskan sesi temubual bersama beliau.</li> </ul>
9.30 a.m	25/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menunjukkan draf soalan yang akan ditanya kepada Puan Nurulaniss bagi mendapatkan kelulusan dan pandangan sebelum</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami dapati terdapat banyak pembetulan yang harus dilakukan. Kami mengambil cakna bahawa kami perlu menyediakan soalan yang</li> </ul>



		sesi temubual bersama tokoh dijalankan.	memfokuskan kepada tujuan utama kami ingin menemubual tokoh tersebut.
8.30 a.m	1/11/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah soalan telah dibaiki, kami membuat rundingan secara bersemuka buat kali kedua bersama Puan Nurulanissa tentang soalan-soalan yang akan ditanyakan kepada Prof Dr. Nazura Abdul Manap. Hal ini bagi mendapatkan kelulusan serta menyelidik sekiranya terdapat lagi kesalahan dalam soalan tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah melalui sesi rundingan bersama Puan Nurulannisa, kami telah mendapat kelulusan dari Puan Nurulanissa berkaitan soalan-soalan yang akan digunakan dalam sesi temubual bersama tokoh.</li> </ul>
1.00 p.m	3/11/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami juga telah menghubungi Prof Dr Nazura Abdul Manap bagi memaklumkan tarikh temuduga akan dijalankan dan juga bagi mendapatkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah tokoh selesai dihubungi, tarikh, masa dan lokasi telah pun ditetapkan bagi sesi temubual bersama beliau.</li> </ul>

